

Jilid I
Bil. 73



Hari Khamis
27hb November, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8085]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Keempat)—

Jadual

Kepala B. 40, B. 41 dan B. 42 [Ruangan 8112]

Kepala B. 16 [8141]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Keempat)—

Kepala P. 41 dan P. 42 [Ruangan 8112]

Kepala 16 [Ruangan 8141]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 27hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- ” TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- ” TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- ” TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- ” TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- ” TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- ” DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- ” TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N., (Kuala Nerus).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- ” DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- ” TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- ” TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

Yang Berhormat TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAJIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).

Yang Berhormat DR TAN CHEE KHOON (Kepong).

- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- ” Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- ” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- ” Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- ” Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- ” Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIEF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK
(Nibong Tebal).

- ” TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.S.D.K., A.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- ” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- ” TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN JA’AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- ” TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.P. (Sandakan).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- ” DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- ” TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, A.D.K., B.K. (Tawau).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- ” TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- ” TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- ” TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri Subis).
- ” TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- ” TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- ” TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LETRIK KE LUAR BANDAR

1. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menerangkan setakat manakah rancangan bekalan letrik ke luar bandar yang dijadualkan di Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan dan setakat mana pula kerja-kerja ini tergendala akibat kekurangan dan ketiadaan alat-alat.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, kemajuan projek-projek bekalan letrik ke luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kedua bagi tahun 1971 hingga 1975 yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri bersama-sama dengan Lembaga Letrik Negara adalah seperti berikut, setakat 31hb Ogos, 1975:

Tahun	PERINGKAT KEMAJUAN PROJEK- PROJEK			Jumlah Projek	Bilangan Keluarga Yang Men- dapat Faedah
	Dalam Pering- kat Awal	Kemajuan Melebihi 50%	Siap		
1971 ...	—	—	71	71	7,045
1972 ...	—	—	115	115	13,613
1973 ...	—	53	98	151	19,559
1974 ...	41	103	11	155	18,567
1975 ...	163	2	—	165	14,263
Jumlah	204	158	295	506	73,047

Kekurangan dan ketiadaan barang-barang untuk projek bekalan letrik pada penghujung tahun 1973 hingga ke pertengahan tahun 1974, telah mengakibatkan kerja-kerja pembinaan projek-projek luar bandar terhenti selama lebih kurang lapan bulan.

Walau bagaimanapun, keadaan pembekalan bahan-bahan telah pulih semula dan pihak Lembaga Letrik Negara sekarang menerima bekalan barang-barang yang mencukupi, kerja-kerja melaksanakan projek-projek luar bandar telah dipesatkan semula. Keutamaan diberi untuk menyiapkan semua projek-projek luar bandar bagi tahun 1973 dan 1974.

Sungguhpun kekurangan barang-barang bukan menjadi masalah lagi, pada masa ini tetapi kemajuan projek-projek luar bandar masih mengalami kesulitan berkenaan hal-hal tanah seperti mendapat izin lalu dan tapak-tapak tanah untuk pencawang dan stesyen janaletrik yang memakan masa yang panjang.

ROMBONGAN KEBUDAYAAN KE PESTA TARIAN RAKYAT KOREA

2. Tuan Sulaiman bin Haji Taib (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan beberapa ramaikah jumlah ahli-ahli rombongan kebudayaan yang beragama Islam yang dihantar keluar negeri dalam bulan Ramadhan yang lepas dan meng-apakah rombongan itu dihantar dalam bulan ini dan tidak pada bulan-bulan yang lain.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, seramai 23 orang ahli rombongan ke Pesta Tarian Rakyat di Korea adalah terdiri daripada ahli-ahli yang beragama Islam. Pesta ini adalah satu pesta antarabangsa yang melibatkan 10 buah negara di Asia dan Pasifik yang dianjurkan oleh Kerajaan Korea Selatan. Antara negara-negara yang mengambil bahagian adalah juga Indonesia dan Singapura. Sebabnya kita menghantar rombongan dalam bulan Ramadhan telahpun dinyatakan dalam jawapan kepada soalan Yang Berhormat pada 25-11-1975.

KEMUDAHAN PELAJARAN DI LUAR BANDAR, SARAWAK

3. Tuan Sibat Miut anak Tagong minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki, melainkan dan mengadakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan pelajaran kepada kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak memandangkan kepada bertambahnya bilangan penuntut memasuki sekolah-sekolah menengah berikutan dengan pembatalan peperiksaan masuk di Negeri tersebut:

(b) berapa banyak lagi sekolah-sekolah menengah akan dibina di Bahagian Ketujuh di bawah Rancangan Malaysia Ketiga; dan

- (c) samada terdapat sebarang rancangan untuk membina sebuah sekolah menengah di Nanga Mijong, Kapit.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan bercadang untuk mendirikan banyak lagi sekolah-sekolah menengah baru dan membesarkan sekolah-sekolah yang sedia ada di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dari 32 buah sekolah menengah baru yang dicadangkan 27 buah daripadanya adalah terletak di luar bandar. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan asrama juga akan disediakan bagi murid-murid yang datang dari luar bandar. Sekali dengan pembinaan sekolah dan asrama itu rumah-rumah guru juga akan dibina untuk menampung keperluan guru-guru yang mengajar di sekolah tersebut. Di mana sekolah-sekolah baru tidak boleh siap dengan segera, bangunan-bangunan sementara akan didirikan dan sekolah pagi dan juga petang akan dijalankan bagi menampung kekurangan bilik-bilik darjah.
- (b) Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga hanya sebuah sahaja sekolah menengah akan didirikan di Bahagian Ketujuh, Sarawak. Di samping itu sebuah sekolah menengah lagi akan didirikan di Belakang. Sebenarnya, projek ini telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam tahun ini tetapi oleh kerana peruntukan tidak mencukupi ianya telah dibawa ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sekolah itu akan menampung murid-murid dari kawasan Batang Lanchang Ulu dan Belaka.
- (c) Tidak ada apa-apa rancangan untuk membina sebuah sekolah menengah baru di Nanga Hujung, Kapit di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sekolah Menengah Kerajaan, Kapit yang ada sekarang bersama dengan sekolah menengah baru yang dicadangkan untuk dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga itu adalah dianggap mencukupi untuk menampung murid-murid yang akan ke sekolah menengah di daerah itu.

LATIHAN KAKITANGAN PERUBATAN

4. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk melatih lebih ramai lagi kakitangan perubatan bagi membolehkan perkhidmatan perubatan diberi kepada rakyat di daerah luar bandar di Sarawak yang tinggal di kawasan-kawasan yang bertaburan dan luas meliputi lurah yang sukar supaya taraf kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar adalah bersamaan dengan yang terdapat di kawasan-kawasan bandar; dan
- (b) berapa banyak hospital-hospital daerah akan didirikan di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan memberi keutamaan kepada latihan kakitangan-kakitangan perubatan. Program-program latihan bagi semua katogeri-katogeri kakitangan telah dipergiatkan pada awal Rancangan Malaysia Yang Kedua, dengan cara mengadakan latihan mengejut, pembangunan jangka panjang dan penambahan kemudahan-kemudahan latihan. Dengan ini pengambilan-pengambilan Jururawat-jururawat, Pembantu-pembantu Hospital, Bidan-bidan, Penyelia-penyelia Kesihatan Luar Bandar telahpun bertambah. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, langkah-langkah selanjutnya bagi program latihan akan dijalankan. Sekolah-sekolah baru akan dibina, lebih ramai lagi pensyarah-pensyarah akan dihantar untuk berkursus dan pengambilan pelajar-pelajar akan ditambah.
- (b) Beberapa buah Hospital Daerah baru telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tetapi di mana hospital-hospital ini akan dibina adalah bergantung kepada kelulusan Kerajaan.

MAJLIS-MAJLIS TEMPATAN— STRUKTUR SEMULA

5. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempercepatkan pembentukan semula majlis-majlis tempatan di negara ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian saya dan pegawai-pegawai di bawah tangan saya telah melawat hampir-hampir semua negeri di Semenanjung Malaysia serta berunding dengan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri berkenaan dengan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengstruktur semula majlis-majlis tempatan di Negara ini.

Di peringkat negeri pula Kerajaan-kerajaan Negeri sedang giat membuat penyiasatan-penyiasatan bukan sahaja dari segi fizikal bahkan juga dari segi ekonomi, sosial dan politik untuk menentukan kawasan-kawasan yang patut disatukan atau diperbesarkan untuk menjadikannya sesebuah penguasa tempatan yang distruktur semula itu atau satu unit yang viable.

Di samping itu Kementerian saya telah menyediakan dua Rang Undang-undang iaitu Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan, 1975 yang menyatakan semua undang-undang penguasa-penguasa tempatan yang ada sekarang serta memasukkan peruntukan-peruntukan yang baharu yang memberi kuasa kepada penguasa tempatan itu menjalankan pembangunan dengan cara bersendirian atau usaha-sama dengan pihak swasta dan juga kuasa untuk meminjam wang bagi projek-projek pembangunan.

Satu Rang Undang-undang lagi iaitu Rang Undang-undang Perancang Bandar dan Desa, 1975 yang akan menentukan prinsip-prinsip perancangan yang dinamis dan memberi kuasa untuk mengawal perancangan dalam sesebuah penguasa tempatan itu.

SYARIKAT PENERBANGAN YANG MENDARAT DI SUBANG

6. Tuan Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) nama Syarikat-syarikat Penerbangan yang kapalterbangnya singgah mendarat di Lapanganterbang Subang;
- (b) jumlah wang yang dipungut dari syarikat-syarikat itu kerana bayaran pendaratan, letakan dan simpanan serta lain-lain dalam masa enam bulan pertama tahun 1975;
- (c) jumlah bayaran pendaratan di Lapanganterbang luar negeri yang dilakukan oleh MAS dalam tempoh 1hb Januari, 1975 hingga 30hb Jun, 1975; dan

(d) jumlah kerugian pungutan wang dari syarikat-syarikat penerbangan kerana terganggu pendaratan di Lapanganterbang Subang akibat lanjutan peristiwa menawan Bangunan AIA oleh Tentera Merah Jepun baru-baru ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 1. Malaysian Airline System.
2. Singapore Airline.
3. QANTAS Airways.
4. Thai International Airways.
5. Cathay Pacific Airways.
6. British Airways.
7. Air Ceylon.
8. Air India.
9. Pakistan International Airlines.
10. Garuda Indonesia Airways.
11. Japan Airlines.
12. China Airlines.
13. Sabena Airlines.
14. Royal Dutch Airlines.
15. Czechoslovak Airlines.
16. Scandinavian Airways.
17. Aeroflot.
18. Pan American.
19. Cargo Lux.
20. Trans Mediteranean Airways (freight).
- (b) \$2,761,364.64.
- (c) \$2,600,000.
- (d) \$40,836.90.

PESURUHJAYA PERDAGANGAN MALAYSIA

7. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) hasil lawatan yang diketuai oleh beliau ke negara-negara Eropah Timur baru-baru ini; dan
- (b) pendapat beliau tentang peranan yang dimainkan oleh Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di tiap-tiap negara di bawah kedutaan atau Pesuruhjaya Tinggi kita.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penjelasan kepada soalan yang sama telah saya berikan di Dewan ini dengan panjang lebar ketika saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 25hb November, 1975 yang lalu.
- (b) Saya rasa soalan yang dikemukakan ini kurang tepat kerana Ahli Yang Berhormat itu menanyakan tentang pendapat saya mengenai peranan yang dimainkan oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun, perlu saya jelaskan samada sesebuah Pejabat Perdagangan itu ditempatkan bersama-sama atau berasingan dari Kedutaan atau Suruhanjaya Tinggi kita, tugas utama seseorang Pesuruhjaya Perdagangan ialah untuk mewakili Kerajaan Malaysia di seberang laut, di bawah arahan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dalam segala perkara yang berhubung dengan perdagangan antarabangsa dan galakan eksport. Di mana Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) dan Perbadanan Kemajuan Pelancungan (TDC) tidak mempunyai pejabat masing-masing, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan adalah juga ditugaskan menjalankan kerja-kerja galakan pelaburan dan pelancungan.

Pesuruhjaya Perdagangan bolehlah disifatkan sebagai "mata dan telinga" Kerajaan di seberang laut untuk mengawasi kepentingan perdagangan Malaysia. Sebahagian besar dari tugas mereka untuk memberi maklumat perdagangan mengenai kemungkinan penjualan untuk barang-barang tertentu di kawasan di mana mereka bertugas, menjalin perhubungan dengan pertubuhan perdagangan, kewangan dan perindustrian serta syarikat-syarika persendirian yang mempunyai minat untuk mengimpor dari Malaysia. Mereka juga membantu pengeksport-pengeksport Malaysia di dalam memberikan nasihat ke atas pertanyaan perdagangan dan seterusnya menentukan pengimpor-pengimpor untuk mereka. Di samping itu juga, Pesuruhjaya Perdagangan bekerjasama di dalam Rombongan Perdagangan dan penyertaan negara ini di dalam Pertunjukan dan Pamiran Perdagangan. Secara ringkas, Pesuruhjaya

Perdagangan bukanlah terlibat di dalam penjualan barang-barang Malaysia dengan secara langsung, tetapi mereka mengumpulkan maklumat-maklumat perdagangan dan pasaran yang akan membawa kepada bertambahnya penjualan serta membuka jalan bagi pengeksport-pengeksport Malaysia membuat perhubungan dengan pengimpor-pengimpor di negeri-negeri di mana mereka bertugas.

TANGGAGAJI BAGI DOKTOR-DOKTOR

8. Tuan Chieng Tiong Kai (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau akan mengkaji semula tanggungaji bagi doktor-doktor untuk mengumpukan doktor-doktor Malaysia di seberang laut supaya kembali dan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan supaya menetap dan tidak akan meletakkan jawatan untuk memasuki amalan prebet.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kementerian saya tidak menjalankan kajian semula tanggungaji Pegawai-pegawai Perubatan ataupun gaji Pegawai-pegawai lain di Kementerian. Tanggungjawab untuk menyemak semula tanggungaji-tanggungaji Pegawai-pegawai Kerajaan telahpun diserahkan oleh Kerajaan kepada Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Tanggagaji bagi Pegawai-pegawai Perubatan telahpun dikaji semula bersama-sama yang lain. Kajian mengenai Laporan Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali ini sedang dijalankan oleh Kerajaan dan saya tidaklah berhajat membuat apa-apa ulasan lagi pada peringkat ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar antara sebab-sebab doktor-doktor keluar daripada perkhidmatan Kerajaan ialah kerana kekurangan Superscale post? Jika Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan supaya boleh bertambah bilangan Superscale post di Kementerian?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah supaya bilangan Superscale post ditambah. Pada tahun 1971 jumlah bilangan Superscale post di bawah Kementerian Kesihatan ini telah mengadakan 155 Superscale posts. Akan tetapi setakat hari ini Superscale post telah bertambah bilangannya

kepada 345. Kementerian saya sedang mengambil langkah lagi untuk menambahkan bilangan Superscale post yang perlu bagi pegawai-pegawai yang cukup kelayakan dan juga berbagai-bagai langkah akan diambil dari semasa ke semasa untuk menarik hati doktor-doktor yang mahir menjalankan pekerjaan di dalam perkhidmatan Kerajaan.

STATISTIK PERDAGANGAN

9. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi statistik-statistik perdagangan yang berbanding (comparative trade statistics) untuk tiga tahun yang lalu dan nyatakan kesan yang dijangka akan menjejaskan imbalan perdagangan dan pembayaran bagi tahun ini oleh kerana kemelesetan ekonomi.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, perdagangan luar Malaysia semenjak tiga tahun kebelakangan adalah seperti berikut:

Tahun	Import	Ekspot	Imbalan Perdagangan
1972 ...	\$4,538.2	\$ 4,854.1	+ 315.9
1973 ...	5,933.8	7,372.2	+ 1,438.4
1974 ...	9,843.9	10,189.4	+ 345.5

Berikutan dengan kemerosotan ekonomi dunia pendapatan ekspot telah jatuh kira-kira 20% daripada \$4,919 juta untuk pertengahan kedua tahun 1974 kepada \$4,100 juta pada pertengahan pertama tahun ini yang mencerminkan kesan-kesan kemerosotan ekonomi dunia ke atas Malaysia. Ini telah membawa kepada pengurangan dalam jumlah ekspot getah, kayu balak, bijih timah, dan kayu gergaji.

Seterusnya lebih perdagangan untuk pertengahan pertama tahun ini ialah berjumlah \$24 juta jika dibandingkan dengan lebih \$494 juta untuk jangka masa yang sama dalam tahun 1974. Walau bagaimanapun lebih perdagangan sebanyak \$24 juta pada pertengahan pertama tahun ini adalah lebih baik daripada kekurangan imbalan perdagangan sebanyak \$148 juta untuk pertengahan kedua tahun 1974.

Dalam pada aliran ekspot semenjak suku pertama tahun 1975 telah mula bertambah baik jika dibandingkan dengan suku akhir tahun 1974. Ekspot kain, barang-barang minuman, barang-barang galian bukan

logam, jentera-jentera dan sebagainya yang mengalami kemerosotan ekspot di hujung tahun 1974 telah berkembang semula dalam suku pertama tahun 1975.

Terdapat petunjuk-petunjuk yang kuat iaitu kesen kemerosotan ekonomi dunia pada pertengahan kedua tahun 1975 telah mula reda dan Malaysia boleh mengharapkan pertambahan ekspot dalam tahun ini.

Kemerosotan dalam imbalan pembayaran akibat daripada keadaan kemelesetan dunia adalah dijangka dalam tahun 1975, kerana kita terlalu bergantung kuat kepada ekspot. Walau bagaimanapun, tidak ada sebab yang patut dibimbangkan kerana ini adalah fenomena dunia dan pemulihan yang sederhana dari kemerosotan ini dan seterusnya untuk Imbalan Pembayaran adalah dijangka pada pertengahan tahun 1976.

ROSOTAN PERDAGANGAN

10. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kemerosotan dan berkurangan perdagangan dan berturutan di dunia sekarang ini dan juga akibat inflasi dan stagflasi, apakah tindakan positif dan kawalan yang dijalankan untuk mengatasi masalah itu dan samada beliau bercadang untuk mengadakan "subsidi harga" bagi barang-barang keperluan harian termasuk juga kain baju.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan perdagangan yang berlaku di seluruh dunia juga memberi kesan kepada ekonomi negara kita. Kerajaan sedang berusaha untuk menggalakkan lagi ekspot bahan-bahan keluaran negara kita dan di antara langkah-langkah yang diambil ialah menghantar misi-misi perdagangan ke luar negeri untuk mendapatkan kawasan-kawasan pasaran baharu seperti di Asia Barat dan Eropah Timor. Kerajaan juga berusaha menambahkan lagi pelaburan dalam bidang perindustrian baik dari dalam mahupun luar negeri untuk menambahkan peluang-peluang pekerjaan.

Di atas cadangan Ahli Yang Berhormat mengenai "subsidi harga", suka saya menjelaskan bahawa Kementerian saya tidak bercadang untuk memberi subsidi kepada barang-barang yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu.

HUTAN —TANAMAN SEMULA

11. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan memandangkan bahawa hasil kayubalak kita yang cepat habis itu, apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk menanam semula tanah itu.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, tindakan melalui Jabatan Perhutanan Persekutuan dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri sudah pun menjalankan kerja-kerja menghutan semula dalam kawasan hutan simpan. Pekerjaan ini telah dimulakan sejak 40 tahun yang lampau dan telah diberi keutamaan dalam program pembangunan hutan Kerajaan.

PESAKIT-PESAKIT DI PUSAT KAWALAN KUSTA NEGARA

12. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang rungutan setengah pesakit-pesakit di Pusat Kawalan Kusta Negara di Sungai Buluh meminta keluar setelah mereka sembuh dan peluang tidak ada bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan samada di Pusat itu maupun di luar. Di samping kemudahan yang ada, apakah rancangan lain yang beliau ada untuk masa depan pesakit-pesakit itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, tidak, saya tidak sedar tentang adanya rungutan ini. Kementerian saya telah menjalankan berbagai-bagai rancangan untuk mengikis anggapan buruk pihak orang ramai terhadap bekas-bekas pesakit kusta yang telah sembuh itu. Pihak Kementerian saya telah mengadakan Rumah Terbuka di Pusat Kawalan Kusta Negara, Sungai Buluh pada tiap-tiap tahun serta juga membuat rayuan-rayuan dalam sbaran am meminta orang ramai menerima kembali bekas pesakit-pesakit ini di kalangan masyarakat. Kementerian saya menggalakkan semua pesakit-pesakit kusta yang telah dirawat dan baik itu balik ke keluarga-keluarga mereka. Untuk mengatasi masaalah ini, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan sebuah Lembaga Kajian Semula (Review Board) dengan tugas untuk memulihkan pesakit-pesakit yang sudah sembuh. Mana-mana pesakit yang tidak

cacat kakitangannya adalah diberi kerja oleh Persatuan Bantuan Kusta Malaysia di ladang kelapa sawit atau getah kepunyaan Persatuan itu; mereka yang tidak mahir adalah diberi kerja sebagai perentis-perentis tukang-tukang besi di bengkel-bengkel Persatuan itu dan yang lain digalakkan balik ke kampung masing-masing untuk membuat perniagaan-perniagaan kecil dengan sedikit elaun bulanan atau pemberian modal.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menerangkan bahawa beberapa langkah telah diambil oleh Kementeriannya untuk menolok pesakit yang keluar (discharged) daripada Hospital di Sungai Buluh. Apa yang saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan, bolehkah Menteri yang berkenaan memberikan jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa seseorang pesakit tidak boleh disuruh keluar daripada Hospital Kusta Sungai Buluh sebelum pihak Kerajaan mendapatkan pekerjaan untuk mereka?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sendiri kalau tidak salah saya pada masa yang lalu ialah sebagai seorang Ahli Review Board di Hospital tersebut. Jadi kita tidaklah pernah menghalaukan sesiapa pesakit itu keluar daripada Pusat Kusta sekarang dan saya telah memberi arahan kepada Pengarah di Pusat itu bahawa tidaklah boleh seseorang pesakit dihalaui keluar daripada Pusat rawatan itu. Jadi apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berlaku sekarang.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya tidak pernah menjadi ahli Lembaga Review Board yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan. Saya hendak beritahu dan bertanya kepada Menteri yang berkenaan dari semasa ke semasa ada pesakit yang disuruh keluar daripada Hospital Kusta di Sungai Buluh dan sehingga sekarang pun masih berlaku, walaupun saya bukan wakil di sana sekarang, mereka ada berjumpa dengan saya. Oleh kerana itu, saya mohon kepada Menteri yang berkenaan bolehkah beliau mengarahkan doktor di Hospital Kusta itu supaya benar-benar tidak boleh discharge seseorang pesakit melainkan pesakit-pesakit itu ada diberi pekerjaan di luar?

Tan Sri Lee Siok Yew: Sebelum menjawab soalan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf jika Ahli Yang Berhormat itu bukan salah seorang ahli dalam Review Board pada masa yang lalu.

Bagi menjawab soalan yang kedua itu, saya telah memberi arahan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan supaya tidak ada pesakit yang disuruh keluar.

TAMBANG BAS

13. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar semenjak Kerajaan membenarkan semua Syarikat-syarikat Bas menaikkan tambang mereka perkhidmatan bas masih lagi berada di dalam keadaan yang tidak memuaskan. Jika ya, apakah langkah yang beliau akan ambil supaya perkara ini dapat diperbaiki.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan tidak menafikan sungguhpun Kerajaan telah menaikkan tambang bas mulai dari 1hb April, 1975 masih terdapat sungutan-sungutan daripada orang ramai terhadap perkhidmatan bas yang masih tidak memuaskan. Walau bagaimanapun, ini bukanlah bermakna Kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan untuk memperbaiki keadaan ini.

Saya telah jelaskan dalam Dewan ini berkali-kali pada mesyuarat-mesyuarat yang lalu bahawa berikutan dengan kenaikan tambang 1 sen pada tiap-tiap batu semua syarikat-syarikat bas telah diminta untuk memperbaiki lagi perkhidmatan mereka dengan menggantikan bas-bas yang telah lama dan tidak memuaskan dan mendapatkan bas baru yang bersesuaian dengan keperluan sekarang. Telah ada kesan bahawa syarikat-syarikat bas telah mengambil langkah untuk memenuhi kehendak-kehendak Kerajaan ini. Setengah-setengah syarikat bas kini telah mula menggantikan bas-bas lama mereka dengan bas-bas baru dan juga membuat tempahan untuk mendapatkan chassis baru bas. Di Bandaraya Kuala Lumpur misalnya, sejak 1hb April, 1975 sebanyak 29 bas baru (kepunyaan 9 syarikat bas) telah didaftarkan dan menjalankan perkhidmatan. Sebenarnya syarikat-syarikat bas pada masa ini menghadapi masalah mendapatkan chassis-chassis baru bas yang dikeluarkan oleh kilang-kilang

pemasang kereta di negara ini dan juga daripada pembekal-pembekal chassis dari luar negeri. Kekurangan bekalan ini bukan sahaja terhad kepada negara kita tetapi juga dialami oleh negara-negara lain di seluruh dunia disebabkan oleh masalah inflasi dan recession. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat bas adalah terus digesa untuk mendapatkan bas-bas baru ini.

Di samping itu Kementerian saya juga telah mengarahkan kepada Pejabat-pejabat Pendaftaran dan Pemeriksaan Kereta-kereta Motor di seluruh negara supaya menjalankan tindakan kuatkuasa yang lebih giat dan rapi lagi ke atas semua kenderaan-kenderaan pengangkutan awam ini. Pemeriksaan mengejut adalah sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan supaya bas-bas yang digunakan dijagai dengan sempurna. Notis-notis larangan penggunaan (Notice of Prohibition of Use) telah dikeluarkan kepada bas-bas yang didapati tidak sesuai digunakan ataupun "unroadworthy". Ini adalah satu langkah untuk menjamin keselamatan orang ramai yang menggunakan bas.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebuah Yunit Pengangkutan Awam telah ditubuhkan di bawah Kementerian saya yang mana tugasnya adalah mengkaji dan merancang penggunaan kenderaan awam di seluruh negara. Rancangan Mini bas yang dilancarkan buat pertama kalinya di Kuala Lumpur pada akhir bulan Ogos lalu telah menunjukkan tanda-tanda kejayaan untuk mengurangkan masalah pengangkutan awam khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur. Saya gembira oleh kerana orang ramai telah memberikan sambutan yang baik kepada kenderaan awam yang baru ini. Yunit Pengangkutan Awam di Kementerian saya seperti yang saya telah maklumkan beberapa kali terlebih dahulu daripada ini akan terus mengkaji kemungkinan meluaskan perkhidmatan Mini Bas ini ke bandar-bandar yang lain jika didapati perlu dan sesuai.

Tuan Loh Fook Yen: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun Kerajaan telah mengambil beberapa langkah-langkah tetapi memandangkan perkhidmatan-perkhidmatan bas khasnya di Bandaraya Kuala Lumpur ini keadaannya masih banyak lagi bas-bas yang lama dan tua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini cadangan daripada Kerajaan mengkhaskan satu masa dihadkan

kepada syarikat-syarikat bas itu menggantikan bas baru. Adakah cadangan mengkhaskan satu tempoh untuk syarikat-syarikat itu menggantikan bas-bas baru?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba jelaskan sedikit supaya Yang Berhormat Menteri boleh menjawab! Adakah hendak dibataskan, umpamanya, sekarang tahun 1975 iaitu bas yang dikeluarkan pada tahun 1970 sahajakah atau selewat-lewatnya tahun 1972, macam itu?

Tuan Loh Fook Yen: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa yang ya? (*Ketawa*).

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya sudah tahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah tahu? Oh! lekasnya (*Ketawa*).

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah sukar dituruti untuk menentukan atau menghadkan bila sesuatu bas itu harus diganti, kerana umur bas yang berada di jalanraya pada waktu ini tidak tentu, ada yang sudah lama dan ada yang baru, jadi ada yang masih boleh dipakai bagi beberapa tahun lagi dan ada yang sudah seharusnya diganti. Ini tidaklah dapat kita menghadkan bila sesuatu bas itu dapat dipakai melainkan kita hadkan pemakaiannya, iaitu bila sudah dijumpai tidak roadworthy lagi waktu itu kita terus berhentikan perkhidmatannya dan disuruh ganti dengan bas yang lain untuk diperbaiki kalau masih belum diperbaiki lagi, tetapi sukarlah kita menghadkan berapa tahun lagi sesuatu bas itu boleh digunakan. Selagi bas itu boleh dipakai, kita benarkan dia berjalan kalau keadaannya masih roadworthy.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Keluang bertanya mana bas yang boleh dipakai itu, pakailah! Bagaimana pula yang sudah tidak boleh dipakai, sudah tua dan lama, itu yang ditegaskan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Mana bas yang boleh dipakai itu kita benarkan, tetapi kita akan menyuruh syarikat bas itu menggantikan dengan yang baru jikalau didapati tidak roadworthy lagi.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa bukan sahaja sungutan orang ramai terhadap perkhidmatan bas ini kerana lamanya bas itu dipakai, tetapi juga terhadap pemandu ataupun kondakter bas yang ada setengah-setengahnya tidak begitu cermat membawa bas yang menyebabkan bahaya kepada keselamatan penumpang-penumpang. Adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai sebarang langkah untuk berunding dengan syarikat-syarikat bas supaya memberi ceramah atau kursus kepada pekerja-pekerja bas yang seumpama ini supaya mereka membawa basnya lebih cermat untuk keselamatan penumpang-penumpangnya dari semasa ke semasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, soal asal ini mengenai dengan kenaikan tambang perkhidmatan bas dan langkah-langkah diambil untuk memperbaiki keadaan bas, bukan memandu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa sekiranya bas itu roadworthy dibenarkan berkhidmat dan sekiranya tidak roadworthy tidak dibenarkan berkhidmat. Saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah maksud beliau dengan sesuatu bas itu yang dikatakan roadworthy. Apakah sifat-sifat sesuatu bas itu roadworthy dan apakah sifat-sifat sesuatu bas yang dimaksudkan tidak roadworthy?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kita ada seorang jurutera yang tahu memeriksa mana bas yang dikatakan roadworthy dan yang tidak roadworthy. Kalau Ahli Yang Berhormat itu ingin mengetahui sebanar-benarnya apakah yang dikatakan roadworthy dan yang tidak roadworthy, bolehlah ikut saya pergi periksa mana yang dikatakan roadworthy dan tidak roadworthy, sebab payah saya hendak memberi penjelasan di sini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Barangkali yang sudah buruk dan lama itu dicat baru sahaja? (*Ketawa*).

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Itu tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan, jika ada, sebarang bas di Wilayah Persekutuan pada masa ini yang boleh dianggap tidak roadworthy?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi pemeriksaan adalah dijalankan dari semasa ke semasa dan mana-mana bas yang tidak roadworthy lagi, kita tidak benar-benar mereka menjalankan perkhidmatan mengangkut penumpang.

Tuan Loh Fook Yen: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar sungguhpun Kementerian ada pasukan penyiasat supaya menjamin bas-bas mereka itu ada, dengan syarat boleh dijalankan, tetapi penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan oleh Kementerian ini memang tidak memuaskan hati kepada orang ramai, adakah Yang Berhormat Menteri sedar atas perkara itu?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Ini saya tidak sedar, but we always do our best, Tuan Yang di-Pertua, dengan pegawai-pegawai yang ada pada kita, tetapi boleh jadi juga ada pernah sesuatu kelemahan itu kita alami seperti di lain-lain lapangan. Sepanjang yang saya ketahui pegawai-pegawai kita ada menjalankan kerjanya dengan memuaskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Katakan Yang Berhormat, your best may not be as good as the people in the Constituency.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu ada cadangan supaya saya dapat memperbaiki lagi perkhidmatan kita, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah sentiasa saya alu-alukan.

SAGUHATI KEPADA WARIS PERAJURIT/PASUKAN KESELAMATAN

14. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa penghargaan kepada Perajurit dan Anggota Pasukan Keselamatan yang terkorban semasa menentang ancaman Pengganas Komunis dengan cara memberi saguhati

wang semata-mata itu, adalah belum setimpal dengan pengorbanan yang mereka berikan;

- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak memberi peluang kepada seluruh rakyat yang taatsetia menyumbangkan penghargaan mereka kepada Perwira yang terkorban itu dengan cara-cara berikut:

- (i) mengadakan majlis tahlil di semua masjid dan surau di seluruh Negara selama tujuh malam berturut-turut untuk tiap-tiap Perwira Islam yang terbunuh kerana mempertahankan Negara;
- (ii) sumbangan derma mengikut satu-satu kes secara individu kepada keluarga Perwira yang terbunuh atau tercedera kerana mempertahankan Negara, selain daripada derma menerusi tabung-tabung yang sedia; dan
- (iii) mencatatkan riwayat tiap-tiap Perwira yang berjasa itu ke dalam rekod-rekod rasmi dan dibukukan untuk bacaan umum dari semasa ke semasa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saguhati berupa pemberian wang kepada balu waris Perajurit dan Anggota Pasukan Keselamatan yang terkorban dalam perjuangan adalah sekadar tanda penghargaan negara kepada mereka kerana pengorbanan mereka bagi mempertahankan kedaulatan negara ini tidak dapat dan tidak harus dinilai dengan wang semata-mata.

(b) Kerajaan bersedia menggalakkan rakyat untuk menyumbangkan penghargaan mereka kepada perwira yang terkorban dengan apa juga cara yang berpatutan, malah majlis tahlil bagi perwira Islam dan sumbangan derma dari berbilang kaum juga telah menjadi amalan di kalangan Anggota Pasukan Keselamatan dan juga penduduk-penduduk setempat. Begitu juga catitan perkhidmatan dan jasa perwira tersebut adalah direkodkan dan dibukukan dalam simpanan pasukan masing-masing.

LEMBU PAWAH

15. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapa banyak Kerajaan telah mengeluarkan lembu pawah kepada

rakyat luar bandar dan adakah Kerajaan bercadang hendak menambahkan lagi peruntukannya bagi menampung kekurangan daging di Negara ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, sebanyak 5,760 ekor telah dikeluarkan. Jika keadaan kewangan mengizinkan, Kerajaan akan menambah lagi peruntukan bukan sahaja dengan tujuan hendak menambahkan pengeluaran daging negara tetapi juga untuk menambahkan pendapatan petani-petani.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan jika Kementerian beliau ada bercadang memberi ternakan yang dibela di bawah cattle Multiplication Unit di merata negara di bawah sistem pawah ini atau menghadkan lembu-lembu itu daripada lembu-lembu asli iaitu "Local Indian Dairies"?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini yang sebenarnya sedang dijalankan.

PENTADBIRAN TANAH

16. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Tanah dan Galian menyatakan samada Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menyusun semula pejabat-pejabat tanah di seluruh negara untuk membolehkan mereka memberikan khidmat yang lebih sempurna dan segera.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membuat kajian yang mendalam mengenai pentadbiran tanah pada tahun 1967 dan 1973. Hasil dari kajian-kajian itu Kerajaan telah dapat menentukan masaalah-masaalah penting yang melemahkan pentadbiran tanah. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan telah membuat beberapa perakuan berbagai garis panduan untuk menyusun semula sistem pentadbiran tanah supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih sempurna dan segera. Tindakan untuk memperbaiki jentera pentadbiran tanah seperti memberi latihan-latihan dan membuat lawatan-lawatan memang sentiasa berjalan.

Sebagai contoh, Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan telah diwujudkan dengan disusun

jentera pentadbirannya mengikut kegiatan-kegiatan yang tertentu yang terdapat di dalam Wilayah Persekutuan, seperti Pemberian Tanah, Pembangunan Bandar, Pengawalan Pemerintahan Tanah dan Setingan.

Bagi negeri-negeri lain tindakan sedang diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk penyusunan semula, dengan dibantu oleh satu Pasukan Petugas yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bertujuan untuk mengadakan satu perkhidmatan yang khas untuk menguruskan hal ehwal tanah memandangkan kepada peri mustahaknya hal ehwal dan pembangunan tanah ini?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian dalam penyusunan semula pentadbiran tanah.

PINJAMAN KEPADA PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA

17. Tuan Jonathon Narwin anak Jinggong minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman yang telah diberi kepada peniaga-peniaga Bumiputra sehingga hari ini; dan
- (b) langkah-langkah yang sedang diambil untuk mendapatkan kembali pinjaman-pinjaman yang masih belum diselesaikan lagi.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya percaya Yang Berhormat sedia maklum bahawa peniaga-peniaga Bumiputra dapat membuat pinjaman dari berbagai-bagai sumber kewangan, baik dari pihak agensi Kerajaan mahupun dari pihak swasta. Saya memahami bahawa apa yang dimaksudkan dengan peniaga-peniaga ialah "traders". Maka bagi kepentingan para peniaga ini Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam ada mempunyai beberapa Perbadanan Awam yang salah satu aktivitiya ialah memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga ini.

Jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan dari beberapa Perbadanan ini hingga ke hari ini kepada peniaga-peniaga Bumiputra ialah sebanyak \$359.85 juta bagi 65,405 orang. Dicapada jumlah ini, MARA telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$232.9 juta bagi 42,056 orang. UDA telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$15.55 juta bagi 498 projek.

Di samping itu CGC atau Perbadanan Jaminan Kredit telah pun memberi pinjaman kepada 32,205 peniaga-peniaga dengan jumlah sebanyak \$264.3 juta dan daripada jumlah ini \$111.4 juta adalah jaminan kepada 22,851 orang peniaga-peniaga Bumiputra.

- (b) Hingga hari ini CGC belum lagi menerima apa-apa lagi rayuan dari Bank-bank atas bayaran balik yang telah lebih masa. Bagi pihak MARA, MARA telahpun mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi mengutip balik bayaran hutang-hutang yang terkebelakangan termasuk tindakan-tindakan Mahkamah.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar kebanyakannya bumiputra yang bukan mempunyai tanah ataupun mempunyai land title sangat sukar bagi mereka dalam berbagai-bagai perniagaan. Adakah pihak Kementerian ini akan memberi peluang supaya memberi satu cara yang lebih senang bagi bumiputra yang tiada mempunyai land title itu supaya dengan senang mengambil loan daripada badan-badan berkanun?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tidak menjelaskan pinjaman daripada badan mana yang sukar dan berapa pula jumlah pinjaman yang hendak diminta. Setahu saya apa yang dibuat oleh perbadanan yang ada ini ialah memberi pinjaman daripada yang sebenar-sebenarnya kepada yang sekecil-kecilnya. Jadi kalau tidak disebutkan di mana badannya atau jumlah pinjaman yang hendak diminta sukarlah saya hendak jawab. Tetapi bagi makluman Ahli Yang Berhormat sendiri segala kemudahan dan kesenangan ada diberi kepada peniaga-peniaga yang memerlukan pinjaman daripada badan-badan yang ada menjalankan tanggungjawab ini.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar desas-desus mengatakan bahawa setengah-setengah pinjaman kepada bumiputra ini tidak digunakan sebagaimana semestinya? Dengan sebab itu, mungkin menyebabkan setengah-tengahnya tidak dapat membayar balik. Jika demikian, dan jika benar, adakah satu-satu pengawasan dijalankan khasnya oleh MARA kepada peminjam-peminjam bumiputra ini supaya wang pinjaman itu digunakan sebagaimana yang ditentukan?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mungkin pada masa-masa yang lalu perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada dan saya fikir saya tidak dapat menafikan kenyataannya itu.

Berkenaan masalah pengawasan tentang pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan itu bahawa pengawasan ini memang ada dibuat, terutama di dalam pengenaan syarat-syarat di atas pinjaman-pinjaman yang ada itu. Akan tetapi, mungkin juga pada masa-masa yang silam terdapat kelemahan-kelemahan di dalam pengawasan yang patut dibuat di atas pinjaman-pinjaman yang telah diberi, maka untuk itu pada hari ini—saya sebutkan tentang MARA sahaja—bahawa pinjaman yang akan dikeluarkan pada masa akan datang akan kita awas atau susuli, atau dalam bahasa Inggerisnya: a supervised loan scheme. Jadi dengan adanya sekim yang baharu ini, kita harapkan bahawa segala pinjaman yang akan dikeluarkan akan memenuhi kehendak daripada peminjam itu sendiri dan kesan atau faedah yang dapat diperolehi daripada peminjam-peminjam akan dapat diwujudkan dengan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya tadi yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pinjaman yang diberi kepada bumiputra, khasnya bumiputra di luar bandar. Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin tidak sedar keadaan di Negeri Sarawak ataupun di Sabah, bumiputra-bumiputra yang di luar bandar mereka hanya mempunyai customary right—tanah yang tidak ada mempunyai geran. Jadi, bila mana mereka memohon pinjaman daripada bank khasnya MARA, mereka sentiasa menuntut geran tanahnya untuk digadai ataupun untuk

menjadi surety sebelum mereka mengambil loan. Akan tetapi, perkara ini sukar kerana mereka belum ada geran tanah hanya ada customary right sahaja. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sudah membuat satu rancangan untuk memberi bantuan kepada pihak bumiputra yang selama ini sangat sukar hendak mengambil loan untuk berniaga di luar-luar bandar? Adakah rancangan hendak dibuat oleh pihak Kementerian yang bertanggungjawab?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Untuk lebih jelas lagi, adakah pinjaman daripada bank dan MARA sahaja—dua tempat sahaja yang sukar ini. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah bertanya.

Tuan Luhut Wan: Dari semua bank sukar, Tuan Yang di-Pertua. Baik daripada Hock Hua Bank ataupun mana-mana bank dalam Negeri Sarawak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jangan sebut nama bank. Boleh sebut bank, MARA, CGC dan lain-lain.

Tuan Luhut Wan: Semuanya sangat sukar.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, tadi soalan Yang Berhormat itu atau masalaah yang dikeluarkan itu terlalu umum, sekarang dia mengkhususkan perkara ini. Jadi, kalau masalaah tanah yang agak istimewa kedudukannya bagi bumiputra di Sarawak, masalaah ini memang ada di dalam tindakan daripada badan-badan yang mengeluarkan pinjaman ini dan kita sedang mencari jalan bagaimana bagi pinjaman-pinjaman yang memerlukan tanah dan sebagainya bahawa perkara itu akan dapat diselesaikan dengan pihak yang bertanggungjawab. Tetapi namun demikian, walaupun ada masalaah ini bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bukanlah badan-badan yang telah ditugaskan memberi pinjaman ini tidak memberi pinjaman kepada mereka yang memerlukan pinjaman di Negeri Sarawak khususnya. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, dari sekim CGC atau Jaminan Credit sahaja sebanyak \$17.1 juta telahpun dikeluarkan bagi Negeri Sarawak untuk keperluan 1,141 orang peminjam. Bagi MARA sendiri sebanyak \$4.887 juta telahpun dikeluarkan oleh MARA bagi pinjaman kepada 1,202 orang peminjam. Walaupun masalaah ini ada, namun peluang

untuk para peminjam dari golongan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ada juga diberikan.

Tuan Patrick Anek Uren: Saya telah dimaklumkan bahawa seorang peminjam jika sekiranya memohon kepada bank untuk pinjaman secara CGC ini memerlukan satu referee diadakan oleh si peminjam itu untuk meminjam. Akan tetapi, keadaan di Negeri Sarawak yang mana penduduk yang ingin hendak berniaga mereka datang daripada kawasan yang jauh dan tidak tahu siapakah orang yang kaya untuk menjadi referee. Ini telah mengakibatkan kurang orang yang dapat pinjaman dari CGC. Adakah Kerajaan bercadang bahawa referee ini diatitkan supaya dapat orang-orang kampung yang tidak tahu mana satu orang kaya untuk menjaminnya dapat juga diberi pinjaman dengan tidak payah mengemukakan referee?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sebenarnya telah terkeluar sedikit daripada soalan asal, tetapi daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan hal ini, maka bolehlah Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan hal ini, maka bolehlah Yang Berhormat sekarang menjawabnya.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau maksud Ahli Yang Berhormat itu bahawa pihak bank-bank yang berkenaan tolong mencari referee atau penjamin itu saya fikir bukan masalaah bank, dan segala pinjaman yang hendak diminta melalui CGC ini mestilah berasas kepada sebab-musabab pinjaman yang hendak dibuat dan ada syarat-syarat yang mesti dipenuhi bagi mana-mana pinjaman yang diminta itu dan sudah tentu segala syarat-syarat itu hendaklah dipenuhi walaupun syarat mengenai penjamin yang perlu dikemukakan oleh pemohon itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada masalaah yang besar di kalangan peminjam-peminjam kecil daripada sekim CGC ini kalau sekiranya pinjaman itu gagal dalam menjalankan kerjanya pada peringkat yang pertama, kemudian pembayaran balik itu tidak dapat dijelaskan dengan sempurna? Tetapi projek yang kedua ada di mana pinjaman diperlukan pula, tetapi selalunya tidak dapat

disebabkan oleh hutang yang ada lagi semasa pinjaman yang pertama. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana caranya boleh menyegerakan pinjaman ini didapati?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi Ahli Yang Berhormat ini mengemukakan satu perkara yang khusus. Jadi, kalau dibuat kenyataan yang begitu, sukarlah bagi saya untuk membuat jawapan. Kalau ada perkara yang benar berlaku yang ada di dalam pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu sendiri, sila kemukakan kepada saya mungkin kita boleh mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adalah itu, sebab itu dia bertanya (*Ketawa*).

AJENSI JUALAN/BUMIPUTRA MAS

18. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bilangan agensi-agensi MAS di Sarawak; dan
- (b) bilangan kepunyaan Bumiputra.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan-bilangan semua agensi jualan MAS di Sarawak ialah 31.
- (b) bilangan-bilangan agensi jualan bumiputra di Sarawak ialah 6.

JALAN RAYA KUALA KRAI KE BUKIT HANTU

19. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilakah jalanraya dari Kuala Krai ke Bukit Hantu akan disediakan bagi kemudahan pengeluaran hasil-hasil peneroka-peneroka tanah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri sepanjang jalan itu;
- (b) adakah benar mengikut rancangannya jalan ini akan bersambung dengan Kuala Brang di Trengganu dan Gua Musang di Kelantan; dan
- (c) samada benar penyiapan jalan Kuala Krai/Bukit Hantu itu akan diselenggarakan di bawah projek Bantuan New Zealand.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jalan raya dari Kuala Krai ke Bukit Hantu adalah merupakan sebahagian daripada jalan raya Kuala Krai ke Gua Musang di Ulu Kelantan yang panjangnya 67½ batu seperti yang dicadangkan. Berkenaan dengan bilakah projek tersebut akan disiapkan adalah bergantung kepada bilakah pembinaannya akan dimulakan kelak. Buat masa ini bidang rujukan (terms of reference) untuk rekabentuk Kejuruteraan (Engineering Design) sedang diselenggarakan di peringkat akhir dan dijangka akan disiapkan sedikit masa lagi. Selepas itu kerja-kerja Rekabentuk Kejuruteraan akan dibuat dan dijangka akan mengambil masa selama 18 bulan. Tempoh pembinaannya hanya akan dapat ditentukan selepas siapnya kerja-kerja rekabentuk Kejuruteraan ini.

- (b) Setakat ini belum ada rancangan tertentu untuk menyambung jalan raya ini ke Kuala Brang di Trengganu.

- (c) Hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke New Zealand baru-baru ini Kerajaan New Zealand telah bersetuju pada dasarnya untuk membiayai kos Kajian Ekonomi dan Rekabentuk Kejuruteraan Jalanraya Kuala Krai ke Gua Musang di bawah Rancangan Bantuan Bilateral New Zealand (New Zealand Bilateral Aid Programme) nilainya sebanyak MS\$2.57 juta. Satu perjanjian Memorandum of Understanding di antara kedua-dua Kerajaan akan ditandatangani tidak lama lagi. Dalam hubungan ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa bantuan ini tidaklah termasuk pembiayaan untuk kerja-kerja pembinaan jalanraya tersebut.

RUMAH MURAH

20. Tuan James Stephen Tibok (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru:

- (a) adakah terdapat sambutan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap seruan Y.A.B. Perdana Menteri supaya Kerajaan-kerajaan Negeri membina rumah-rumah murah dengan banyak

lagi. Kiranya telah dapat sambutan, tolong nyatakan Negeri-negeri mana dan bilangan yunitnya; dan

- (b) berapakah harga rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan untuk rakyat yang berpendapatan rendah di luar bandar.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua.

(a) Sambutan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Kerajaan-kerajaan Negeri membina lebih banyak lagi rumah-rumah murah, adalah baik dan bilangan yunit rumah-rumah akan ditambahkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun mengemukakan cadangan-cadangan yang tertentu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kepada Kementerian saya untuk pertimbangan, akan tetapi sebagaimana pernah saya nyatakan Rancangan Malaysia Yang Ketiga itu belum lagi diumumkan kelulusannya dan sebaik sahaja suatu pengumuman rasmi dibuat, saya akan dapat menjelaskan butir-butir yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

(b) Soalan (b) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu agak umum. Tetapi saya cuba juga menjawabnya, iaitu kebanyakan skim-sekim yang dibina di luar bandar ialah rumah-rumah kayu. Tetapi terdapat juga rumah-rumah teres yang dibina oleh Kerajaan di luar bandar. Kos hitung panjang terhadap pembinaan rumah tersebut pada masa sekarang adalah seperti berikut:

<i>Jenis</i>	<i>Harga</i>
Rumah Kayu ...	Di antara \$2,500 hingga \$5,000 seunit
Rumah teres ...	Di antara \$3,000 hingga \$5,000 seunit

Akan tetapi, harga pembinaan tersebut di atas tidak termasuk harga tanah dan "infrastruktur". Di samping itu saya juga ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pembinaan adalah berbeza daripada satu tempat ke tempat yang lain.

Walau bagaimanapun, pada masa hadapan, Kerajaan berazam untuk membina rumah-rumah tersebut dengan harga tidak lebih daripada \$5,000 bagi satu yunit termasuk kemudahan-kemudahan asas.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (26hb November, 1975).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Sebelum saya menjemput beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat berucap hari ini, saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kita ada 23 Kementerian lagi. Kita sekarang berada di hari yang keempat dalam Jawatankuasa ini. Saya berharap tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap tolonglah ringkaskan supaya dapat menyelamatkan masa. Pada hari semalam 12 orang telah dapat bercakap. Saya dapat benarkan sehingga sampai pukul 4.15 petang, kalau tidak, pukul 4.00 saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Kita ada banyak Kementerian lagi.

Kepala B. 40. B. 41 dan B. 42 (Jadual)—

Kepala P. 41 dan P. 42 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.35 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit sahaja iaitu B. 40, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (6) Filem Negara Malaysia.

Pertama sekali, saya memuji di atas kejayaan Filem Negara yang telah dapat mengeluarkan filem sebanyak 789 minit pada

tahun 1974. Saya minta supaya dibanyakkan lagi pengeluaran-pengeluaran filem yang dicipta ataupun yang dikeluarkan oleh Filem Negara ini, kerana kedudukan sekarang ini saya nampak kita tidak cukup, apatah lagi kalau filem ini untuk ditayangkan di TV. Sebagaimana yang kita tengok kalau di negeri-negeri lain banyak filem-filem pengetahuan yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan tetapi di negeri kita ini masih kurang.

Sekarang ini saya nampak satu cara yang dibuat oleh Filem Negara iaitu filem-filem yang menunjukkan tentang kemajuan negeri kita ini samada perusahaan tanaman, perusahaan perkilangan ini baik sekali, tetapi pendek, Tuan Pengerusi. Saya minta supaya satu filem yang khas, yang panjang, yang boleh dituntun dengan masa yang lebih sebagaimana yang dibuat oleh filem-filem barat.

Selain daripada itu, saya rasa Filem Negara bolehlah juga bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha filem tempatan untuk mengeluarkan filem yang lebih bermutu yang berasaskan filem tempatan. Sekarang ini kita nampak kita lebih banyak menuntut filem-filem daripada luar negeri yang boleh jadi merosakkan pemikiran anak-anak kita pada masa yang akan datang. Sekiranya Filem Negara dapat bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha filem tempatan, maka akan datang mereka akan dapat mengeluarkan filem yang lebih bermutu yang lebih mendatangkan faedah kepada kita dan jenerasi kita.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut sedikit berkenaan dengan TV. Dalam TV ini, saya rasa hari ini perubahannya memang baik sekali. Banyak pengetahuan am telah disalurkan kepada TV walaupun ada pihak-pihak yang tidak suka TV ini, tetapi saya rasa kepada kita sebagai yang membuat rancangan harus kita tonjol-tonjolkan pengetahuan ini kepada masyarakat kita supaya mereka lebih berminat dengan ini. Jangan suka hendak tengok filem tembak, filem cowboy, filem-filem yang suka-suka sahaja.

Sungguhpun begitu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut tentang pelakon-pelakon ataupun rancangan-rancangan tempatan harus dibanyakkan. Kalau dahulu orang suka benar dengan pertunjukkan "Ahmad Daud

Show", tetapi ditiadakan dan ramai orang minta supaya pertunjukkan-pertunjukkan seperti ini dibanyakkan.

Tuan Pengerusi: Yang mana Yang Berhormat suka? Adakah orang tua yang menari itu?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Yang lebih baik sedikitlah. Tetapi yang terlampau lucu sangat pun tidak seronok juga. Maksud saya dibanyakkan filem tempatan dengan keadaan-keadaan yang lebih memuaskan.

Saya ingin menekan benar tentang masalah filem bunuh. Saya rasa kalau pihak Penapis Filem ataupun orang yang berhabit dengan hal itu biarlah potong gambar-gambar bunuh itu. Kalau boleh pada masa yang akan datang kalau filem-filem yang kita impot daripada barat yang ditunjukkan di dalam TV ini jangan tiap-tiap malam kita tengok ada cerita tembak-bunuh, tembak-bunuh. Boleh dikatakan tiap-tiap malam ada cerita tembak, cerita bunuh. Kalau cerita berlari atau kejar sahaja atau terjun daripada tingkat 20 sampai ke bawah itu bolehlah tahan. Oleh itu, saya rasa, adegan-adegan bunuh seperti itu harus dipotong. Jadi, saya bimbang nanti di masa akan datang anak-anak kita akan berperasaan suka benar dengan kisah-kisah bunuh ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat yang terdapat dalam Buku Perintah 37 di muka surat 486. Saya rasa kedudukan perkhidmatan ini penting sekali disaat sekarang dan cukup penting dengan keadaan di negara kita yang penuh dengan ancaman subversif dan anti-nasional, maka tugas pegawai-pegawai dan perkhidmatan di sini adalah sangat mustahak. Walaupun pada masa yang lalu bolehlah dikatakan penerangan-penerangan ini telahpun dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan juga dapat mengumpulkan pandangan-pandangan daripada orang ramai ataupun reaksi daripada rakyat telahpun ada, tetapi saya rasa keadaan sekarang ini mesti dikuatkan lagi.

Saya fikir perlu kita membuat seperti Dasar Ekonomi Baru (Serampang Dua Mata) di mana dijalankan dengan satu cara yang tertentu untuk memberi penerangan di tempat-tempat seperti Kampung Baru atau

di bandar-bandar, manakala di kampung-kampung penerangan dengan cara yang sesuai baginya pula harus dibuat. Oleh sebab sekarang ini kita dapati ramai benar orang yang tidak puas hati dengan keadaan yang ada dalam negara kita, dengan sebab mereka tidak tahu apa yang berlaku pada Kerajaan ini. Perkhidmatan ini haruslah memberi penerangan-penerangan yang sungguh-sungguh khasnya dikawasan-kawasan yang didiami oleh orang yang bukan bumiputra (bukan Melayu), dengan sebab sebagaimana yang kita dengar bahawa lapuran-lapuran yang diterima oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga pihak-pihak yang menjaga keamanan di negeri ini bahawa kejadian-kejadian anti-nasional ini lebih banyak berlaku di situ. Kita haruslah tumpukan lebih penerangan-penerangan dengan sungguh-sungguh di situ, dan yang paling penting sekali ialah dikalangan orang muda, sebab yang melakukan kekacauan ini kebanyakannya ialah dari kalangan orang muda dan yang merompak pun kebanyakannya daripada orang muda. yang masuk kominis pun kebanyakannya daripada orang muda yang berumur di dalam lingkungan 30 tahun ke bawah. Ini mesti kita titik-beratkan dengan memberi penerangan dan memberi pengajaran dan sebagainya agar mereka akan lebih menginsafi serta lebih cinta kepada negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin meminta supaya pegawai-pegawai yang berkhidmat di Perkhidmatan Luar ini dapat diberi kursus dalam bahasa, selain daripada Bahasa Malaysia. Sekarang ini kita dapati kalau pegawai-pegawai itu daripada bumiputra atau Melayu kebanyakannya tidak boleh bertutur dalam bahasa China, jadi kalau boleh pegawai-pegawai ini kebanyakannya mesti mengetahui bahasa China dengan cara diberi kursus sehingga mereka itu mengetahui bahasa itu, agar mereka senang dapat memberi ceramah dan memberi penerangan dikalangan orang-orang China, dan bagi orang Melayu pula dapat memberi keterangan dikalangan orang China, demikian juga orang China yang menjadi pegawai penerangan di situ boleh memberi penerangan dikalangan orang Melayu. Dengan ini dapatlah mereka mengetahui dan boleh menyampaikan maklumat-maklumat daripada Kerajaan dengan lebih berkesan. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

3:44 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, wang sejumlah sebanyak \$114,891,695 telah diperuntukan kepada Kementerian Penyiaran.

Buat permulaannya, suka saya menyentuh Kepala Bekalan 40, muka surat 282 (Buku Biru), Pecahan-kepala 1100 di bawah Aktiviti Pentadbiran Am. Bilangan kakitangan di dalam Bahagian Pentadbiran Am seperti yang tercatat di dalam Pecahan-kepala 1100 ini ialah seramai 187 orang bagi tahun 1976 dan bagi tahun 1975 ialah seramai 189 orang. Saya tak tahulah bagaimana pihak pentadbiran am ini dapat mengendalikan tugas-tugasnya sedangkan kakitangannya kurang dan lagi wang perbelanjaan bagi tahun 1976 ini cuma sebanyak \$740,000 berbanding dengan tahun 1975 wang sejumlah \$799,070 sahaja. Pada pandangan saya bahawa tahun 1976 ini adalah tahun yang banyak perkara yang hendak kita selesaikan menerusi radio dan talivisyen untuk pengetahuan rakyat.

Tuan Pengerusi, adapun Bahagian Perdagangan ini adalah baik bilamana pihak ini dapat memungut bayaran-bayaran hasil daripada iklan-iklan yang disiarkan di dalam radio ataupun TV. Saya suka mencadangkan di sini bahawa iklan-iklan yang disiarkan di dalam Talivisyen Malaysia pada masa yang akan datang hendaklah pelaku-pelaku tersebut dilakukan oleh orang Malaysia sendiri tidak sepertimana yang kita lihat pada masa ini gambarnya dilakukan oleh orang asing, tetapi suaranya sahaja daripada orang Malaysia. Saya harap pihak Bahagian Perdagangan ataupun Bahagian Iklan dapat menimbangkan syor saya ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Aktiviti (3) Pelesenan. Seperti mana yang dianggarkan pada tahun 1976 pihak Pelesenan akan dapat memungut kutipan yang dianggarkan di dalam lingkungan \$18,000,000. Walaupun pihak yang berkenaan berkempen menerusi radio atau talivisyen namun begitu masih ramai lagi yang berdegil tidak mahu membayar lesen radio dan TV. Saya rasa cara seperti ini tidak berapa berkesan. Suka saya mencadangkan di sini, setiap orang yang membeli radio ataupun talivisyen, Kerajaan hendaklah mengenakan pembayaran lesen daripada mulanya mereka membeli. Selepas itu Kerajaan tidak lagi mengenakan. Adapun lesen yang saya

cadangkan ini, pihak Kerajaan akan mengenakan pembayarannya kepada agen-agen ataupun kedai-kedai yang menjual setiap peti talivisyen mahupun radio.

Tuan Pengerusi, adapun Jabatan Penyiaran pada tahun ini telah diperuntukkan sebanyak \$69,361,900. Nampaknya Jabatan Penyiaranlah yang mendapat peruntukkan yang lebih daripada Jabatan-jabatan yang ada di dalam Kementerian Penerangan. Di dalam muka surat 292 Pecahan-kepala 1100 di dalam Buku Belanjawan Persekutuan, 1976 di bawah Aktiviti (2) ialah Rancangan. Pada mulanya suka saya menyentuh Rancangan di Radio Malaysia pada masa ini. Tujuan Kerajaan ialah untuk menawan hati rakyat dan memupuk satu persefahaman dikalangan semua kaum yang ada di dalam Malaysia. Tinjauan yang saya buat di desa-desa ataupun kampung-kampung mereka lebih gemar mendengar siaran radio daripada negara jiran. Apabila saya bertanya, kenapa mereka tidak mahu mendengar siaran Radio Malaysia? Mereka menjawab bahawa: Siaran Radio Malaysia asyik bercakap-cakap sahaja. Oleh yang demikian, saya harap pihak yang berkenaan dapat menyelenggarakan rancangan-rancangan yang baik dan berselera untuk rakyat kita mendengarnya. Jikalau Rancangan Pembangunan kita ditonjol-tonjolkkan sangat, sudah pasti para pendengar naik jelak dan jemu. Tuan Pengerusi, lainlah di Kuala Lumpur, para pendengar boleh memilih siaran-siaran radio seperti Radio Ibu Kota, siaran FM Stereo dan lain-lain siaran yang mereka suka.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh Rancangan Talivisyen. Matlamat Kementerian ini ialah akan menyiarkan rancangan-rancangan tempatan sebanyak 56% pada tahun 1976 ini. Saya harap apa yang saya cita-citakan ini biarlah tercapai, walau bagaimanapun janganlah hanya berteori sahaja tetapi hendaklah dilaksanakan dengan praktikal.

Tuan Pengerusi, di dalam segi ugama dan dakwah, pihak talivisyen hendaklah menambah siarannya dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan filem-filem yang dialihsuarakan ke dalam Bahasa Malaysia, suka saya menarik perhatian kepada pihak yang berkenaan, kadang-kala suara-suara ataupun senikata yang dilafazkan tidak secocok dengan lakunan dan perkataan yang dilakukan. Ingin saya mendapat penjelasan

daripada Yang Berhormat Menteri kenapakah suara-suara yang sama selalu sahaja kita dengar mengambil peranan di tiap-tiap buah filem yang dialihsuarakan. Tidakkah ada orang lain yang boleh mengambil peranan tersebut? Yang paling menggelikan hati saya ialah siri-siri Katun yang dialihsuarakan. Suara katun yang dilafazkan oleh orang yang mengambil peranan itu semacam orang bersembang di dalam kedai kopi. Kalau suara katun yang hendak dilafazkan biarlah suara semacam katun. Satu perkara lagi, ialah mulut pelakon pun tertutup atau terbuka setelah suara-suara dan kata-kata habis dilafazkan. Saya harap pihak yang berkenaan dapat memperbaiki rancangan ini.

Tuan Pengerusi, di dalam bahagian Hiburan suka saya menarik perhatian pihak yang berkenaan. Pihak RTM telah mencungkil bakat-bakat seperti Bintang RTM, Bakat TV, Dengang Rakyat dan bermacam-macam lagi. Malangnya selepas para peserta memenangi hadiah-hadiah dan menunjukkan bakatnya yang dikehendaki oleh pihak berkenaan, entah ke mana hilangnya. Pihak TV pun senyap tidak ada apa-apa rancangan dan akan timbullah bakat-bakat yang dicungkil itu menjelang Hari Raya, Hari Tahun Baru China, Hari Deepavali dan lain-lain hari kebesaran.

Adapun Siaran FM Stereo hendaklah diperluaskan siarannya ke kawasan Utara dan Selatan. Nampaknya siaran FM Stereo telah mendapat tempat di hati para pendengar.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Aktiviti (3)—Kejuruteraan di bawah Pecahan-kepala 1100, muka surat 292 buku Belanjawan Persekutuan, 1976. Saya ucapkan syabas kepada pihak yang berkenaan dengan mana pada masa ini Siaran TV serentak telah dapat diikuti menerusi Siaran Nasional ke Sabah dan kemudian disalurkan ke Sarawak melalui Satelite yang mula dilancarkan pada bulan Ogos, 1975.

Tuan Pengerusi, mungkin tidak berapa lama lagi kita akan mengadakan Siaran Talivisyen yang berwarna. Oleh yang demikian, pihak TV hendaklah menghantar lebih ramai lagi Jurutera-jurutera dan Pembantu Teknik keluar negeri bagi menjalani latihan khusus (Specialised Training) untuk TV Warna dan TV Hitam Putih. Dengan secara ini sahajalah kita akan dapat kesempurnaan di samping kecapan untuk rakyat kita mengendalikan Radio dan Talivisyen kita sendiri.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Kepala B.42, Jabatan Penerangan yang telah diuntukkan wang sejumlah \$17,980,700. Di muka surat 302 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) iaitu Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat adalah bahagian yang terpenting sekali di dalam Jabatan Penerangan. Suka saya menarik perhatian Dewan ini bahawa yunit-yunit bergerak yang ada pada masa ini tidak mencukupi. Adapun yunit-yunit bergerak yang ada pada masa ini sudah terlalu uzur. Oleh yang demikian saya harap pihak yang berkenaan dapat memerhatikan yunit-yunit bergerak ini diganti dengan yang baru. Adapun yunit-yunit bergerak ini jarang sangat datang ke kawasan pendalaman untuk memberi penerangan dan pertunjukan wayang gambar kepada mereka yang berada di pendalaman. Filem-filem yang ditayangkan oleh yunit-yunit bergerak ini biarlah filem-filem yang berwarna dan berkesan untuk mereka tuntun. Segala syarahan ataupun kempen yang hendak disampaikan biarlah memberi kesan kepada mereka yang mendengarnya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya pergi kepada Aktiviti (3)—Akhbar dan Perhubungan. Di masa kebelakangan ini pihak akhbar nampaknya telah maju setapak ke hadapan. Gambar-gambar separuh bogel pun agak berkurangan dan berita-berita rogol pun sudah berkurangan. Ini adalah satu pertanda yang baik bagi kita dan anak-anak kita. Suka saya menarik perhatian Dewan ini iaitu berkenaan dengan Persidangan Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, semasa Dewan ini bersidang pihak akhbar eloklah menambah sedikit lagi ruangan untuk dimuatkan ke dalam akhbar yang mana segala kegiatan dan segala perbincangan di Dewan yang mulia ini disiarkan kepada umum supaya rakyat tahu. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada pihak akhbar menyiarkan segala ucapan daripada Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Cukuplah setakat itu Ahli Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Baiklah, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sepatah dua dalam Anggaran Belanjawan yang

dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan tentang cadangan yang dibuat oleh seorang bekas Menteri Penerangan iaitu Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah semasa menjadi Menteri Penerangan pernah menyatakan bahawa beliau akan mengadakan Forum di TV mahupun di radio dan akan menjemput Ahli-ahli dari pihak Pembangkang untuk mengambil bahagian. Pada pendapat saya cadangan itu memang baik, tetapi malangnya tidak dilaksanakan oleh bekas Menteri Penerangan, Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah dan beberapa orang bekas Menteri Penerangan selepas beliau. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, mengapakah cadangan itu tidak dilaksanakan oleh TV dan Radio Malaysia.

(Dengan izin) Pada pendapat saya jika Kementerian Penerangan mengadakan forum dengan tajuk umpamanya "The Third Malaysia Plan" yang akan datang atau "The unequal distribution of wealth in this country", it would be of great help to the people of this country to hear a preview of some of the big issues which will be debated in Parliament in a few months' time. It is no use presenting the country with a *fait accompli*, but if the people have an inkling of what are these great issues and perhaps the knowledgeable ones can write to the various Ministries concerned with brilliant ideas—and I dare say not all brilliant ideas are confined to the Government Departments only nor to the Ministries concerned—then it will add to the sum total of what we are all trying to achieve.

I remember, Mr Chairman, Sir, I once took part in a forum over Radio Malaysia on a book on a military subject and I would like to invite the Minister because I do know he is liberal in his views, that things like this, a review of books, a review of sports—for example, now the Test matches in Australia—a review of hockey, things like these will add to the quality of life rather than the stereotype news, most of it Government propaganda, that emanates from Radio and T.V. Most of us switch it off when we think it is poor propaganda, but if it is on a subject that is not purely propaganda—and I do

admit that not all of us are interested in cricket, not all of us are interested in football or in hockey but there are people who are interested—then they will tune in and listen. I admit that I am a cricket fan and I do hope that both the Radio and T.V. will give us a little more of news about the Test matches which started, for example, today at Brisbane—the first test match between Australia and the West Indies, which is going to be, I hope, a very exciting series, has started this morning and I hope Radio and T.V. Malaysia would carry news about these events. I do hope that the Minister will take into consideration my suggestion that he should hold forums—if you like to invite Members of the Opposition, if you do not like, invite other people and let us improve the quality of life in this country through Radio and T.V.

Now, Mr Chairman, Sir, the next subject that I wish to speak on is the Chinese and Indian programmes over Radio and T.V. in Sabah and Sarawak.

Tuan Pengerusi: Under which sub-head is that?

Dr Tan Chee Khoon: It concerns both Radio and T.V.

Tuan Pengerusi: But which sub-head is that?

Dr Tan Chee Khoon: If you like, Mr Chairman, Sir, the Jabatan Penyiaran, page 292, Code No. 1100—Pentadbiran Am, for example. That would include what I am speaking of.

The Deputy Minister of Information recently in Sarawak gave out the explanation that Chinese programmes will not be included in the National Network. I agree with him that the National Network should be exclusively for programmes in Bahasa Malaysia, but I do not see any reason why the Blue Network should not include programmes in Chinese and in Tamil both over T.V. and Radio. Recently while I was in Sabah the people there spoke to me and said: "Doctor, what is all this about? We in Sabah do not get programmes in Chinese and in Tamil." Although I must admit that there are very few Tamils but there are a considerable number of Chinese in Sabah and I hope that the Minister will find his way to introduce

Chinese over both Radio and T.V. because to deny them would be going against the spirit if not the letter of the Constitution which guarantees that the study and use of the other languages other than Bahasa Malaysia; I dare say that there is a great need for programmes in both Radio and T.V. in Sabah and Sarawak in Chinese in particular. I do not know why those programmes were deleted. We in West Malaysia know that over the Blue Network we have programmes in Chinese and Tamil and I want to know from the Minister why in Sabah and Sarawak these programmes have been denied to the people over there.

Mr Chairman, Sir, I want to congratulate the present Minister, although I do not think he is responsible for it, on the reduction of staff. Thus, on page 287, the staff has been reduced for next year from 850 to 842 and the staff under page 302 for Jabatan Penerangan has been reduced from 1,865 to 1,848. This bears out my point, Mr Chairman, Sir, that our public servants have grown at an alarming rate and have been too big, to put it bluntly, and that a little reduction of staff will do them a world of good and I am glad that in the estimates of the Ministry of Information at least this is reflected. Although the decrease is small, it is significant that in this Ministry at least they are not trying to pad on staff and provide jobs where strictly it is not that necessary.

Mr Chairman, Sir, I also wish to bring to the attention of the Minister that both T.V. and Radio Malaysia should not hog the footsteps of our Ministers. Whenever a Minister goes to open a function be it however small, you see T.V. and Radio there—not that I grudge the Ministers appearing on T.V. and Radio, but to me it is sometimes a total waste of public funds to have Radio and T.V. just to project the image of a particular Minister on the screen where what he is doing is perhaps of no significance at all to either he himself or this country except that it is a boost to his ego. I think it was the Member for Kuala Selangor, who suggested that if the National Unity Board is to do anything, then it should go down to the people at the grassroot level and both the Radio and T.V. should also try and show the activities of people at the grassroot level to the rest of their fellowmen. After all, we only have 20-odd Ministers but we have thousands upon thousands of people

who can be called people at the grassroots level and they too pay taxes and they too would like some of their activities to be shown on T.V. and to be announced over Radio as well. I would therefore recommend to the Minister that instead of letting the T.V. and Radio hog the footsteps of our Ministers, that they should try and give prominence to some of the activities of the humble men-in-the-street.

Finally, Mr Chairman, Sir, I wish to touch on a matter which perhaps is not under the purview of the Ministry of Information, that is, the Weather Reports that we get every morning and every night.

It is so stereotyped and it says that "such-and-such time Kuala Lumpur will be showery and the rest of the day bright" and so on, and I dare say if you look at the reports over the whole year they are probably pretty much the same. I would want to draw the attention of the Minister to the fact that in Australia, for example, and in almost every other country, they have very beautiful maps and they show how the storms are coming and how the storms are leaving their shores, and I would like to commend this to the Minister because then visually we can see what storms are coming. Over here we are shown a map and given a few dots where the showers and heavy rains are but they do not mean so much. After all, amongst the technicians in TV in particular there must be lots of people who can easily produce such pictures of storms coming over the north-east of Malaysia and coming over to inland. Then people who look at it will have a better vision of what is coming rather than these stereotyped reports that send people to sleep.

4.12 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya mula-mula hendak mengucapkan tahniah dan juga penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan yang baharu yang telah dengan keinsafannya menjemput orang ramai tampil kehadapan menjadi ahli penal untuk sama-sama menolong memberi nasihat, pendarat, fikiran dan sebagainya untuk memperbaiki dan barangkali memperelokkan rancangan penyiaran kita. Saya fikir jikalau kita mempunyai rasa dan fikiran semacam ini dapatlah kita mengatasi segala kritik-kritik yang terdapat.

Saya sendiri pada tahun lalu sudah pun bercakap dan saya tidak mahu ulang lagi, cuma hendak menegaskan apa yang telah dicakapkan iaitu kita mesti sentiasa ingat bahawa alat penyiaran kita, samada radio dan TV janganlah dijadikan alat Kerajaan semata-mata. Akan tetapi, jadikanlah dia alat nasional, perkakas-perkakas yang dimiliki yang dipunyai dan disayangi oleh semua umat dalam negara ini tanpa kira bangsa, keturunan, bahasa atau parti. Sebab itu, rancangan-rancangannya hendaklah membayangkan segala-gala yang terdapat dalam masyarakat kita dan berita-beritanya hendaklah objective dan factual dan jangan sampai orang tidak mahu percaya apa yang disiarkan.

Saya sendiri tahu bagaimana susah-payahnya menjalankan kerja dengan menunaikan tujuan yang suci-murni ini. Apa kita buat sekalipun nanti ada orang yang tidak puashati, sebab memang halaman, masa atau tempohnya pendek dan hendak memasukkan dalam beberapa jam atau beberapa waktu yang diuntukkan dalam satu-satu rancangan tentulah tidak dapat memuaskan semua pihak. Akan tetapi, bagaimanapun kita mesti cuba juga. Berasas kepada ini saya suka mencadangkan beberapa perkara. Biasanya yang sangat-sangat dihargai oleh umat Islam keutamaan telah diberikan kepada siaran-siaran berkaitan dengan ugama Islam, akan tetapi kita mesti ingat iaitu Rukunegara kita, rukun pertamanya menyatakan yang kita umat Malaysia percaya kepada Tuhan. Sungguhpun ugama rasmi negara ini ialah ugama Islam akan tetapi sesuai dengan ajaran ugama Islam kita membenar dan memberi kebebasan kepada semua ugama lain dalam negeri ini. Apa kata, kalau alat-alat penyiaran kita selain daripada menyiarkan ajaran ugama Islam akan melebarkan supaya dapat juga memberi masa saksama, sewajarnya kepada ugama-ugama lain dalam negeri ini, sebab dengan menyebar ajaran dan program-program ugama samada Buddhism, Kristian, Hindu dan sebagainya dapatlah kita sama-sama menegakkan kekuatan rohani yang dapat memperkukuhkan semangat kita maka kita boleh menentang segala ajaran yang tidak mengenal Tuhan atau menafikan Tuhan khasnya pada waktu sekarang ini kita digugat oleh ancaman komunis yang tidak bertuhan itu.

Kedua, saya rasa begitu juga berkenaan dengan beritanya walaupun ada Ahli telah sebut, ada orang yang suka mendengar siaran

stesyen negeri lain, saya sendiri di sini mengakui saya selalu dan terpaksa mendengar siaran daripada stesyen radio lain untuk mendapat keterangan dan berita-berita lengkap, bukan sahaja berkenaan dengan negara kita, akan tetapi berkenaan apa yang berlaku di dunia ini. Saya harap penyiaran kita juga akan mengambil berat bukan sahaja menumpu semata-mata apa yang terjadi dalam negara kita ini sehingga kita menjadi umat sebagai katak hidup di bawah tempurung, akan tetapi mahulah kita memerhatikan apa sahaja yang berlaku di keliling kita, sungguhpun kita sebuah negara yang kecil. Sebagai sebuah negara kecil kita akan menerima berbagai kesan yang berlaku di sekeliling kita, kita tidak dapat mengasingkan diri dari apa yang berlaku di sekeliling kita, sebab itu dengan tujuan tidak payah kita terpaksa mendengar siaran stesyen radio lain-lain negeri. Dengan usaha kita sendiri dapat kita menyampaikan berita lengkap dalam dan juga luar negeri. Saya juga setuju dengan apa yang dikatakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu sungguhpun kita mesti memberi penerangan berkenaan dengan usaha Menteri-menteri kita, tetapi janganlah jadi sampai keadaan di mana orang menggunakan Menteri-menteri kita, saya dengar orang kata kalau kita buat temasya apapun, jalan sebaik-baiknya untuk mendapatkan TV ataupun radio misalnya khususnya TV meliputi peristiwa itu, jemputlah Datuk Shariff Ahmad, Kalau Datuk Shariff Ahmad terima jemputan untuk hadir bersama-sama.

Tuan Pengerusi: Tidak payah sebut nama. Mengikut Peraturan Mesyuarat melarang sebut nama, sebutkan jawatannya sahaja.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Kata mereka: kalau Timbalan Menteri Penerangan hadir, tentu sahaja peristiwa itu akan dapat liputan dan baik sekali. Di sini saya bukanlah hendak mengatakan apa pendapat saya sendiri, saya dengar orang kata, saya cuma melapurkan sahaja. Saya ingat selain daripada menjalankan usaha memberi penerangan berkenaan dengan usaha-usaha Kerajaan, alat-alat penyiaran kita patut membayangkan apa yang berlaku dalam negara kita, memperkenalkan kita sesama kita, memperkenalkan cara hidup kita sesama kita, memperkenalkan satu daerah dengan daerah yang lain. Kita patut adakan outdoor broadcast sebanyak-banyaknya. Adakan kelengkapan atau equipment yang boleh

bawa temasya di kampung, temasya di daerah, cara orang awam hidup, supaya orang itu dapat memperhatikan dirinya sendiri dan akan sayang, dia akan cinta kepada TV itu. Sebab dia sudah melihat ini alat yang membayangkan kehidupannya sendiri, bukannya semata-mata satu alat yang menekan dia dengan berbagai-bagai propaganda Kerajaan semata-mata, barangkali tidak peduli kepada orang ramai.

Saya suka juga menarik perhatian kepada perkara yang lebih khusus iaitu berkenaan dengan Pecahan-kepala 4100 di bawah Kepala B. 40 di mana terdapat peruntukan sebanyak \$2.4 juta. Saya difahamkan untuk membekali perjalanan BERNAMA. Saya rasa masanya sudah tiba untuk beberapa kemajuan dicapai di dalam perjalanan BERNAMA yang setakat ini telah berjalan dengan cemerlang, antara lain-lain, soal samada sudah sampai saat dan masanya bagi semua agensi berita luar negeri menyalurkan semua pembahagian berita untuk suratkhbar dan lain-lain penerbitan dalam negara ini menerusi BERNAMA ini sebagaimana yang berlaku di Indonesia, dilakukan di India, dilakukan di Ceylon dan dilakukan di lain-lain negeri.

Saya sudah bangkitkan perkara ini pada tahun yang lepas dan kalau tidak salah saya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi jaminan bahawa perkara ini akan diperhatikan dan akan dipertimbangkan. Setakat yang saya tahu perkara ini tinggal di dalam *Hansard*, belum lagi sebarang usaha dijalankan untuk menimbang, jauh sekali melaksanakan satu langkah yang sewajarnya, sepatutnya, sesuai dengan taraf agensi Berita Nasional kita sendiri dan taraf kita sebagai satu bangsa yang merdeka yang patut berkesanggupan dengan kerjasama. Bukannya saya paksa, dengan cara kerjasama dengan agensi-agensi berita luar negeri untuk menyalurkan semua berita-berita menerusi agensi nasional.

Lagi satu perkara saya fikir sudah sampai masanya untuk BERNAMA diperlengkapkan dengan alat-alat Radio Telecommunication Teleprinters System (RTC) yang boleh menyiarkan terus ke dunia dan boleh terima terus daripadanya bagaimana Berita-berita Nasional lain-lain negeri diberi kelengkapannya supaya dapat Kantor Berita Nasional kita berhubung rapat dan saling menukar berita (exchange news) dengan lain-lain Kantor Berita Nasional di lain-lain tempat di

dunia ini. Ini satu perkara saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian.

Perkara yang penghabisan

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, satu minit sahaja lagi!

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Perkara penghabisan ialah berkenaan dengan Kepala B. 42, Pecahan-kepala 4100—Bayaran Pindahan di mana ada peruntukan sebanyak \$50,000. Apa yang saya faham ialah bantuan yang diberi kepada Pusat Press ataupun Instituti Press Malaysia (Malaysian Press Institute) untuk memberi kemudahan latihan kepada para wartawan kita. Saya harap pihak Kementerian akan semak perkara ini dan akan bersetuju menambahkan lagi peruntukan wang yang secukupnya dapat dibekalkan untuk membantu pusat latihan wartawan kita ini supaya dapat kita melatih wartawan-wartawan kita supaya taraf (standard) suratkhbar dalam negeri kita ini akan bertambah meningkat mutunya.

4.23 ptg.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan-cadangan yang boleh dikatakan semuanya membina. Sebagai seorang Menteri yang bertanggungjawab atas mass media memanglah menjadi kewajipan saya untuk membuka telinga mendengarkan cadangan-cadangan yang berpatutan, bukan sahaja daripada Dewan ini tetapi juga daripada orang ramai. Oleh sebab sikap Ahli-ahli Yang Berhormat telah menunjukkan mereka memberi kerjasama yang begitu penuh maka saya memanglah mengangapkan bahawa saya beruntung mendapat sokongan yang demikian.

Banyak ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam serta hari ini menyentuh soal isi kandungan TV dan Radio. Ini memanglah biasa kerana perkara ini memanglah sangat nyata kepada orang ramai dan teguran-teguran banyak tertumpu kepada isi kandungan TV dan Radio.

Sebelum saya menjawab cadangan ataupun teguran, saya suka hendak memberi serba-sedikit kriteria yang kita cuba hendak ingatkan apakala menyusun ataupun menimbang isi kandungan Radio dan TV, terutama sekali, kita inginlah hendak mengisi lebih lagi pengertian di kalangan rakyat yang boleh memberi isi yang penuh lagi kepada ideologi negara kita, iaitu Rukunegara dan apa-apa isi kandungan TV dan Radio kita mestilah membayangkan adat resam berbagai kaum yang ada di dalam negara ini dan tidak akan melanggarkannya.

Kedua, faedah dari segi memberi pelajaran am untuk orang melengkapkan diri di dalam hidup sehari-hari dengan lebih baik di dalam beberapa lapangan, iaitu daripada pertanian hingga kepada kejuruteraan (mechanic) dan dalam masa dunia yang sangat maju oleh sebab pembangunan sains dan teknologi, maka ajaran-ajaran yang dapat diberi menerusi cerita dan percakapan mengenai sains dan teknologi adalah sangat berguna kepada masyarakat kita.

Ketiga, kita hendak memberi bahan-bahan yang boleh memberi pengaruh kepada perasaan yang lebih taat kepada negara kita ini, memberi orang lebih kesedaran bahawa betapa baiknya nasib mereka hidup dalam negeri ini dan apakah tanggungjawab yang mereka beri kepada negara. Kedua, keinginan menceburkan diri dalam soal pembangunan dan dalam soal memperjuangkan hidup diri sendiri, atau dengan kata lain, semangat berdikari. Kita juga ingin memberi bahan-bahan yang boleh meninggikan akhlak masyarakat menegakkan keperibadian bangsa yang pada satu hari nanti akan teguh bersatu-padu menghapuskan dakyah-dakyah yang akan merosakkan taat setia ketenteraman dalam negara ini, dengan kata lain subversive element, dan akhirnya hiburan supaya rakyat kita dapat bersenang hati sesudah habis bekerja.

Untuk menentukan supaya bahan-bahan ini tidak lari daripada dasar selain daripada mengikut keputusan Lembaga Penapis Filem di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kita ada lembaga sendiri yang menapis semula lagi dari satu bahan supaya dapat mengurangkan pertunjukan keganasan. Kedua, memotong bahan-bahan yang akan menimbulkan perasaan bisikan-bisikan immoral, merosakkan moral. Ketiga, untuk melarang supaya jangan pendengar-pendengar

dan penuntut-penuntut kita meresap ideologi-ideologi yang bertentangan dengan adat resam di dalam negara ini. Ini tiga kriteria yang kita cuba tapis menerusi Lembaga Penapis Filem kita sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian hendaklah ingat bahawa dalam melaksanakan dasar seperti saya sebutkan tadi, maka banyaklah rintangan-rintangan terpaksa kita hadapi kerana kita adalah negara yang baru lagi mengadakan TV dan banyak supporting services seperti pembuatan filem dokumentari oleh pihak swasta (private sector), telent-telentnya masih lagi sangat terhad. Dalam keadaan yang demikian kita terpaksa mengimpot filem-filem daripada luar negeri. Filem-filem ini tidaklah boleh dikatakan semuanya secocok dengan hasrat-hasrat ideologi dalam negara kita ini, jadi terpaksa-lah kita dalam memilih filem-filem untuk ditayangkan menghadapi banyak masalah kekurangan filem yang sesuai.

Dalam keadaan masa sekarang ini diseluruh dunia banyak sekali filem-filem kerana menekankan dari segi tarikan commercialnya mengeluarkan cerita-cerita yang mengandungi keganasan ataupun violence dan juga cerita-cerita yang menggambarkan banyak sex. Ini terdapat boleh dikatakan terlalu banyak daripada dunia Barat. Bagaimanakah kita dapat mengelakkannya sambil menanti tumbuhnya filem industri dalam negeri ini adalah satu masalah yang sangat berat bagi Kementerian saya. Misalnya dalam soal keganasan (violence) selepas ditapis pun kita ada dapat complaint (aduan) daripada orang ramai bahawa misalnya filem "Police-woman" adalah sangat violent dan terpaksa kita menimbangkan supaya dapat lagi ditapis tanpa memusnahkan ceritanya ataupun terus menarik balik cerita itu daripada tayangan kepada orang ramai.

Satu daripada rintangan lagi ialah kita mempunyai penuntut-penuntut yang berbagai ragam dan resam, banyak taste yang masing-masing berlainan, tidaklah saya dapat mengaku bahawa saya dapat memuaskan semua taste audients, penuntut-penuntut sekalian. Walau bagaimanapun dalam kita menjalankan tugas kita terpaksa cuba hendak memberi serba sedikit bahan-bahan yang boleh menyenangkan hati sekurang-kurangnya pihak orang ramai dan sebanyak-banyak golongan.

Lagipun daripada segi jadual masanya ada perbezaan masa di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dan apakala kita menjalankan siaran diseluruh Malaysia timbullah pula soal kita dapat menayangkan satu gambar terus daripada Kuala Lumpur ke Sarawak dan Sabah dan kadang-kadang seperti mengenai cerita Melayu ini dibangkitkan pula kerana terlalu lambat. Walau bagaimanapun, kita sentiasa cuba hendak mencari pada masa manakah yang satu-satu program itu paling baik dan mendapat sambutan paling luas daripada orang ramai. Kita sekarang ini mempunyai satu sikap terbuka (experimenting) selepas enam bulan satu tahun mungkin juga kita akan dapat satu pattern apakah perasaan audience, penuntut-penuntut kita di Semenanjung Malaysia ini dan di Sabah dan Sarawak. Tambahan pula kita sekarang ini mempunyai hanya satu saluran yang dapat diberi ke Sabah dan Sarawak sebagai National Network. Siaran Network 2 yang mengandungi program-program bahasa lain dan filem berbahasa lain belumlah dapat kita salurkan. Ini adalah disebabkan satu peringkat dalam satu masa—one phase at a time. Sekarang ini kita mampu membayar hampir tujuh juta ringgit untuk sewa tiap-tiap tahun menyalurkan menerusi satellite programme daripada Kuala Lumpur ke seluruh Malaysia terutama sekali ke Sarawak dan Sabah. Tetapi Network 2 belumlah dapat kita salurkan ke sana kerana belum ada peruntukan yang boleh kita dapat untuk memberi facilities supaya dapat melancarkan saluran ke satellite menerima ke sebelah Borneo dan mengirimkan satu lagi channel daripada Sabah dan Sarawak.

Saya rasa soal program bahasa lain samada Iban, China, Kadazan adalah soal yang akan dapat diatasi pada masa akan datang. Saya ingin menerangkan di sini tidak adalah satu tujuan hendak menjalankan diskriminasi terhadap orang yang bukan berbahasa Melayu di Sabah dan di Sarawak, kerana talivisiyenya tidak ada bahasa lain daripada Inggeris dan dalam Bahasa Malaysia, oleh sebab saluran yang kita hantar hanya saluran nasional, maka mengikut dasar Kerajaan tidaklah ada bahasa lain untuk digunakan. Apakala kita mampu hendak menyalurkan Network 2 maka lebih free bagi kita hendak memuaskan taste penuntut-penuntut lain di Sarawak dan Sabah. Buktinya kita tidak ada diskriminasi. Ini boleh dilihat. Dari pancaran

radio kita di Sarawak, kita nampak bukan sahaja bahasa China dan Iban telah digunakan tetapi bahasa Kanan, bahasa Bidayuh, Melanau dan lain-lainnya pun digunakan kerana kita memikirkan bahawa message kita cuba menyampaikan dengan seluas-luas kepada rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Soal dubbing telahpun disebutkan oleh tiga Ahli Yang Berhormat. Ada yang suka dubbing, ada yang suka mengkritik kejayaan ataupun kurang kejayaan kita menjalankan dubbing. Kita mula-mula memanglah cuba hendak memberi banyak dubbing kepada cerita-cerita, misalnya, pada mula-mula TV kita diperkenalkan di Malaysia banyak cerita ditetapkan, tetapi pengalaman ini telah menunjukkan memang sukar sekali hendak memberi dubbing kepada satu filem yang originalnya berbahasa lain. Bahasa Malaysia ini pada amnya mempunyai kata-kata yang lebih panjang daripada kata-kata Inggeris yang digunakan dalam kebanyakan filem, ia banyak menggunakan two syllables, kata-kata kita sampai lima, enam pun ada. Jadi memanglah menjadi pengalaman banyak kepada orang yang menterjemah daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia, Bahasa Malaysia terlalu panjang. Maka itulah sebabnya kadang-kadang bila mulut orang yang bercakap dalam talivisyen itu sudah ditutup, ada bunyi lagi suara keluar. Inilah rupanya kesukaran bagi kita untuk meluaskan program dubbing. Walau bagaimanapun, kita cuba hendak memberi dubbing kepada hanya filem-filem yang kita fikir sesuai. Saya rasa sub-title lebih elok lagi bagi kita buat sementara ini sebelum kita dapat mencari jalan-jalan yang baik untuk kita memberi dubbing kepada filem-filem kita semua.

Beberapa Ahli juga memberi perhatian kepada iklan-iklan yang keluar daripada talivisyen. Ada pula yang mengatakan bahawa iklan mengenai minuman keras dan cigarette patutlah diharamkan. Sebenarnya, iklan-iklan yang kita beri ini kita keluarkan di satu-satu channel mengikut rupa audience yang kita fikir menerima daripada satu channel. Misalnya, Channel Kedua tidak payahlah kita mengharamkan iklan minimum keras kerana ramai penuntut-penuntutnya tidak menganggap liquor itu sebagai haram, jadi di sana kita biarkan ada iklan minuman keras. Tetapi di National Network kita telah haramkan pengeluaran iklan minimum keras, kerana kita tahu dalam National Network

ramai orang Islam yang menuntun. Mengenai iklan cigarette ini telahpun kita timbangkan beberapa kali, tetapi melihat kepada pengalaman di Barat, kita tidak percaya dengan tidak memberi iklan maka bilangan orang merokok akan kurang, kerana pengalaman-pengalaman di Britain, Scandinavia, Eropah, Amerika semuanya menunjukkan bahawa orang yang merokok bertambah selepas amaran iklan itu dipaksa bahawa rokok itu merbahaya.

Ada dua tiga Ahli-ahli Yang Berhormat telah meminta supaya iklan-iklan kita patutlah bercurak tempatan iaitu pelanggan-pelanggan dalam iklan patutlah orang Malaysia sendiri dan latarbelakangnya patutlah latarbelakang Malaysia. Sebenarnya, inilah dasar kita sekarang ini dalam mengkaji iklan. Sebagai langkah yang pertama maka tidaklah kita terus menutupkan peluang kepada iklan-iklan yang menggunakan latarbelakang daripada luar negeri, kerana ada masanya kita nampak products yang mahu international flavour to their advertising dan kita biarlah mereka menyalurkan iklan menerusi TV kita. Tetapi kita terpaksa mengenakan 50% surcharge iaitu memberi satu disincentive kepada mereka menggunakan talent daripada luar negeri. Mengikut kedudukan sekarang ini iklan yang tidak menggunakan latarbelakang Malaysia dan menggunakan pelanggan-pelanggan Malaysia hanyalah 10% sahaja. Ini adalah perkembangan yang sangat cepat kalau kita pandang dua tiga tahun dahulu boleh dikatakan sampai 90% iklan-iklan itu menggunakan latarbelakang luar negeri dan pelanggan-pelanggan luar negeri.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun menyentuh dan menunjukkan minat tentang program-program agama Islam. Program ini memanglah sepatutnya mendapat perhatian yang begitu hangat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam, kerana setengah daripada mereka berpendapat bahawa negara ini hanya dapat berjaya mengatasi resapan komunis kalau rakyatnya benar-benar tegoh berpegang dengan agama Islam. Saya fikir orang yang bukan Islam pun berpendapat bahawa kalau mereka berpegang kepada agama Hindu, agama Kristian dan agama lain, maka resapan komunis susah masuk kepada orang-orang itu. Saya sendiri memanglah akan mengambil perhatian yang lebih berat sedikit kepada program ini, kerana saya tahu ini adalah

satu program yang boleh membawa penuntut-penuntut kita menjangkau satu ideologi yang lebih tinggi daripada ideologi terdapat di dunia prektikal ini, dunia pragmatic yang selalunya kalau di Barat berpandu, what I call situational ethics iaitu mengikut apa yang lebih menguntungkan. Tetapi masaalah untuk melaksanakan hasrat kita memperkuatkan program ugama ini adalah banyak. Kita telah mendengar nasihat daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri bahawa kita tidak dapat memegang perhatian atau capture the attention of penuntun-penuntun kita kalau program kita merupakan hanya perbualan-perbualan, ceramah-ceramah dan program-program menunjukkan orang bercakap sahaja, kerana power of concentration itu tidaklah boleh kita panjangkan lebih daripada 10 ataupun 15 minit. Kita mesti cuba dalam mempersembahkan program yang mempunyai nilai yang tinggi; satu approach yang interesting. Pada masa sekarang ini program-program Islam yang disampaikan dengan cara percakapan memanglah sudah banyak, ada juga di dalam bahasa lain daripada Bahasa Malaysia untuk saudara-saudara baharu kita. Tetapi program-program yang disampaikan dengan cara cerita (features) yang mempunyai moral message adalah kurang sekali. Maka oleh sebab itulah saya terpaksa mencari kemungkinan kita dapat kerjasama dengan negara-negara Arab, misalnya, negara Mesir dengan tujuan mendapatkan daripada mereka filem-filem yang boleh dapat menyampaikan maksud orang yang hanya kecenderungannya ugama Islam dengan menerusi program-program itu. Saya rasa dalam soal Islam ini ada juga message lain yang mungkin akan berguna kepada orang-orang yang bukan beragama Islam kerana rakyat Malaysia memanglah berhubung hari-hari dengan orang Islam. Daripada segi cultural aspect of Islam memanglah ada gunanya mempersembahkan program Islam ini kepada orang-orang yang bukan Islam.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang telah mencadangkan risalah-risalah patut dicap daripada Jabatan Penerangan untuk menerangkan soal Islam. Ini memanglah kita akan buat dan selalunya kita buat soal ini apakala soal ugama itu dapat menolong kita dalam pembangunan soal development.

Ahli Yang Berhormat dari Mata Kuching telah memberi satu pandangan yang sangat pratikal dan sangat berharga apakah beliau

mengatakan patutlah kita menunjukkan menerusi mass-media kita seberapa banyak lapangan. Rakyat Malaysia ini adalah mempunyai sama adat rasam dan sama curak hidup. Ini memanglah sangat baik dan kita akan cuba hendak melaksanakannya. Satu tauladan yang beliau berikan ialah supaya kita dapat mengeluarkan satu pesanan menerusi cerita ataupun program-program yang lain menekankan soal menghormati ibubapa. Saya rasa daripada segi adat orang Melayu, orang China, orang India ini adalah satu daripada nilai yang paling tinggi dan saya sendiri berpendapat kalau masyarakat kita hilang nilai menghormati ibupapa, maka kesatuan keluarga akan runtuh dan permulaan "hippidom" akan terdiri dalam Malaysia ini. Saya telah berbincang dengan sociologists, mereka telah banyak berkata bahawa kalau kita hendak mengelakkan orang-orang muda kita menjadi hippies, maka soal kesatuan, soal ketenteraman, soal perasaan muhibbah dalam keluarga dan sayang-menyayangi mestilah diperkuatkan dalam famili kita.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telahpun menyebut soal perlunya mengadakan satu program yang cukup balance supaya tidak memberi satu gambaran yang berat sebelah kepada satu-satu golongan masyarakat kita di dalam negeri ini. Beliau telahpun memberi satu tauladan dengan mana mungkin juga satu golongan berasa tersinggung perasaan kerana banyak pekekkan dan publisiti mengenai soal menolong orang-orang Melayu di bawah dasar mengalihkan harta negara ini, menambahkan harta dalam negara ini sebanyak 30% kepada bumiputra.

Mungkin juga daripada perhubungan beliau di merata-merata tempat menggambarkan satu perasaan yang telah disuarakan oleh satu-satu golongan. Saya akan ambil perhatian atas pandangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat itu dan saya rasa memanglah elok bagi kita sama-sama menyedari bahawa tiap-tiap bantuan 30% kepada bumiputra bererti 70% pergi kepada masyarakat yang bukan bumiputra. Maka berertilah tidak ada satu dasar dalam negara ini yang akan menekan satu kaum supaya menolong hanya satu kaum sahaja.

Daripada segi seimbangan di antara general education, percakapan dengan hiburan, maka daripada tahun 1976 kita

akan membentuk dasar untuk mengurangkan percakapan daripada yang ada sekarang ini kepada hanya 45% program kita dan hiburan (entertainment) akan kita naikkan kepada 55%. Ini dijalankan supaya kita dapat memberi tarikan kepada penuntun-penuntun TV dan Radio kita.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa ada terdapat rakyat dalam negeri ini mendengar radio daripada negara-negara jiran. Bagi saya, seperti telah dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, ini tidaklah bermakna satu tanda yang tidak sihat, kalau mereka juga mendengar radio dalam negeri mereka sendiri, kerana memanglah biasa kepada Malaysia terutama sekali yang mempunyai pandangan yang lebih luas ingin mendapat berita lebih luas lagi, tetapi mereka mestilah tahu lebih lagi keadaan dalam negeri mereka dan mendengar siaran dalam negeri mereka sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Parit tidak payahlah bimbang kerana mengikut statistics kita bulan Ogos lepas sebanyak 82% daripada adult population (orang-orang dewasa) dalam negeri ini tune kepada Radio Malaysia dan TV Malaysia. Jadi tidak adalah bahaya besar bahawa orang Malaysia ini meninggalkan Radio Malaysia untuk mendengar radio daripada luar negeri.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh soal psy-ops (psychological warfare operation) iaitu tindakan Kerajaan untuk melawan propaganda anasir-anasir yang tidak baik terutama sekali anasir-anasir komunis. Ada seorang Ahli Yang Berhormat telah bertanya dalam menjalankan tugas psy-ops, mengapakah ada lagi orang-orang menyokong komunis. Pertanyaan inilah yang kita hendak tanya tiap-tiap hari supaya kita dapat tahu apakah sebab sebenarnya orang-orang ini masih ada bersimpati kepada komunis. Tindakan-tindakan telah diambil oleh Kerajaan bukan sahaja menerusi Jabatan Penerangan dan Kementerian saya, tetapi saluran-saluran lain supaya dapat mengatasi propaganda-propaganda komunis. Boleh jadi ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa kita patut memperkuatkan ideologi masing-masing daripada segi Islamnya, dari segi Rukunegaranya, untuk memperteguhkan pendirian rakyat kita untuk melawan fahaman komunis. Saya

fikir, keseluruhan daripada falsafah pembangunan negara ini adalah bertujuan untuk melawan propaganda komunis. Oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat semua memberi perhatian yang sangat berat kepada soal psy-ops, maka ramai sekali Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa yunit-yunit bergerak penerangan tidak cukup. Saya hendak menyatakan sudah cukup betul pada masa sekarang ini tidaklah boleh, tetapi kalau saya katakan dalam konteks priorities kita, besar budget kita dalam negeri ini saya fikir bilangan yunit-yunit bergerak information kita memanglah tidak cukup. Sudah boleh dikatakan syukur. Sekarang ini kita ada lebih kurang 213 mobile unit di seluruh Malaysia. Kepada Ahli Yang Berhormat dari Mukah, saya ingin memberitahu bahawa Sarawak dan Sabah tidaklah kekurangan, kerana daripada 213 mobile units ini, 80 pula telah diperuntukkan kepada Negeri Sarawak dan Sabah: Sarawak 45 dan Sabah 35. Ini menunjukkan bahawa dalam pembahagian facilities, Sarawak dan Sabah tidaklah diabaikan oleh Kerajaan Pusat.

Ramai juga Ahli-ahli ingin mengesyorkan supaya pegawai-pegawai luar kita diberi latihan yang lebih mendalam lagi untuk memperlengkapkan mereka menjalankan tugas. Ini juga sedang kita usahakan. Hasil daripada reorganisation mengenai research and planning dalam Kementerian, saya telahpun mengarahkan satu rangka baharu dengan mana kita akan mempunyai sistem yang lebih kuat untuk menggunakan Field Officers kita bukan sahaja sebagai pegawai-pegawai yang memberi ceramah atas current topics tetapi boleh juga memberi laporan yang lebih mendalam mengenai reaksi rakyat tempat mereka bertugas. Mereka akan diberi arahan dan panduan tentang apa cara boleh melawan propaganda yang tidak betul, apa tajuk yang lebih penting untuk dicermahkan pada satu-satu masa dan satu-satu tempat. Ini akan kita jalankan dan seperti saya kita dalam ucapan saya sewaktu membentangkan budget ini, satu kursus methodology of assessing people's opinion akan diberikan kepada pegawai-pegawai luar kita.

Mengenai pegawai luar, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih di atas simpati dan perhatian berat yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada pegawai-pegawai luar kita.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telahpun menimbulkan soal conditions of service (syarat-syarat perkhidmatan) bagi pegawai-pegawai luar kita. Beliau telah melafaskan kekuatiran beliau yang mereka ini tidak akan diberi gaji yang cukup baik dan tidak ada mempunyai satu saluran naik pangkat yang tertentu. Memang benar pada mula-mulanya pegawai-pegawai luar ini telah kita ambil daripada pekerja-pekerja sementara sahaja. Kebanyakan mereka pada masa itu tidak berpcncen dan menerima gaji daripada satu bulan ke satu bulan. Tetapi keadaan ini telahpun diubah dan banyak daripada pegawai-pegawai ini telah diserapkan ke dalam permanent service di dalam Jabatan Pencerangan, hanya enam orang sahaja pada hari ini daripada beratus-ratus pegawai luar kita yang tidak dan belum lagi diserapkan dan masih bekerja berdasarkan temporary kerana sebab-sebab yang mereka sendiri ketahui.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telahpun membawa perhatian saya kepada soal pegawai-pegawai pencerangan yang tidak dapat bekerja pada hari Jumaat di dalam kawasan Negeri Johor. Ini adalah sukar bagi saya untuk mengubahnya, kerana tiap-tiap pegawai mempunyai hak hendak berhenti kerja (off) sekurang-kurangnya sehari setengah seminggu dan mengikut pegawai-pegawai lain yang bercuti kalau tidak pada hari Sabtu dan Ahad hari Isnin dan Khamis. Kalau kerja itu sangat penting, memanglah boleh pegawai-pegawai kita menjalankan tugasnya pada hari Jumaat, tetapi kalau sebagai regular features kerja yang mereka buat hari-hari, kalau selalu berlaku permintaan, maka tidaklah adil bagi saya untuk menekan mereka atau mengarahkan mereka bekerja pada hari Jumaat juga selain daripada hari-hari lain.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga menimbulkan soal coloured TV. Soal mengadakan TV berwarna memanglah soal yang telah difikirkan oleh Kerajaan kita beberapa tahun, dan pada dasarnya kita memanglah sudah bersetuju hendak mengadakan coloured TV, bukan itu sahaja, malah separuh daripada persiapan telahpun dibuat untuk coloured TV, manakala kita menukarkan alat-alat yang sudah lapuk kepada alat-alat yang baru dan kalau dapat alat-alat yang colour convertible, kita berikan alat-alat (parts) colour convertible dan latihan-latihan untuk jurutera dan pekerja-pekerja lain supaya melaksanakan perkhidmatan coloured TV. Tetapi masalaahnya

sekarang ialah bila kita dapat melaksanakan sepenuhnya hasrat kita untuk bertukar kepada TV berwarna. Pada tahun 1975 memanglah tidak sesuai bagi kita untuk membelanjakan banyak wang untuk coloured TV atau tahun 1976 kerana keadaan kewangan negeri kita memaksa kita berjimat cermat dan walaupun saya sendiri suka dengan coloured TV, tetapi kalau dibandingkan dengan keperluan kita seluruh negara, maka saya terpaksa mengambil keputusan coloured TV ini tidaklah begitu tinggi prioritynya.

Ada seorang Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya filem-filem kita ditayangkan di luar negeri. Sebenarnya, ini telah kita buat beberapa tahun dahulu. Beratus-ratus filem telahpun diedarkan kepada Duta kita sendiri dan kepada Kedutaan asing yang meminati filem-filem kita dan filem-filem ini telahpun ditayangkan di beberapa negara di luar Malaysia. Misalnya, filem pertandingan membaca Kuran telahpun kita buat dan telah diedarkan ke negara-negara Arab. Filem-filem lain yang mengenai Pantai Timur juga telah kita hantarkan ke luar negeri untuk tayangan. Penuntut-penuntut kita di luar negeri juga memanglah kalau mereka minta daripada Kedutaan kita sendiri akan dapat melihat filem-filem yang kita buat di Malaysia ini.

Mengenai filem-filem untuk pelancungan, ini agak berlainan sedikit kerana filem pelancungan tidak boleh dibuat dengan sebarangan, untuk ini kita berkehendakkan kepada nasihat daripada orang yang mengetahui character of the tourist market; satu tempat mahu satu presentation, manakala tempat lain mahu presentation lain pula, ada satu negeri yang mengeluarkan holiday makers yang suka kepada pantai (beaches) seperti Penang, ada pula yang suka kepada hutan, kerana hendak berburu dan ada pula yang suka seperti adat istiadat yang berlainan. Ini biarlah kita anggap sebagai satu alat promotion Tourist Department dan teresahlah kepada Jabatan Pelancungan untuk mencari jalan manakah yang mereka dapat menggunakan filem untuk menarik pelancung.

Tuan Pengerusi: Panjang lagikah Yang Berhormat Menteri?

Datuk Amar Haji Taib bin Mahmud: Ada lima minit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau panjang lagi Yang Berhormat Menteri boleh sambung kemudian.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis dtempohkan selama 20 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 5.06 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.30 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

5.30 ptg.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya hanya ada tiga perkara sahaja lagi yang hendak dipertanyakan dalam menjawab teguran Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama, mengenai masalah melebarkan corak program kita dalam TV dan Radio seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Beliau berpendapat bahawa program kita merupakan terlalu sangat berbentuk propaganda Kerajaan. Saya tidaklah dapat menerima tuduhan itu kerana kalau beliau dapat mendengar siaran radio kita dan memandangkan siaran TV kita dengan sepenuhnya dalam satu-satu minggu, maka beliau tentu akan dapati bahawa struktur program kita meliputi banyak lapangan daripada soal entertainment kepada ekonomi, agriculture, sukan, kebudayaan dan seni. Sebenarnya mengenai sukan, siaran radio kita telahpun beberapa lama menyiarkan tiap-tiap hari mengenai lapuran sukan. Di radio kita ada lapuran sukan tiap-tiap minggu. Saya mengucapkan terima kasih atas cadangan beliau mengenai perkara book review, perbincangan mengenai distribution of income patut dimasukkan dalam rancangan TV dan Radio kita. Ini akan dapat dibuat pada masa yang akan datang terutama sekali soal distribution of income yang akan menjadi tajuk asas bagi Rancangan Malaysia ketiga.

Kedua, mengenai janji Menteri Penerangan yang lepas bagi membolehkan seorang Ahli Pembangkang bercakap di TV dan Radio, saya akan timbangkan dengan sedalam-dalam sebelum saya memberi keputusan yang muktamad atas soal ini. Saya ingin hendak

memberi satu perhatian bahawa saya tidaklah, kecuali pada masa election, membenarkan forum TV dan Radio sebagai satu gelanggang pertempuran politik kita. Tetapi kalau atas tajuk lain yang tidak akan merupakan satu forum politik dan tempat parti menjalankan propaganda, dan sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat menunjukkan sikap yang cukup bertanggungjawab, maka perkara itu mesti akan ditimbang terutama sekali apakala Kerajaan hendak menerangkan mengenai soal-soal Dasar Ekonomi Baru daripada segi pandangan rakyat amnya.

Ketiga, cadangan mengenai "News" dan "Peristiwa" patutlah menunjukkan lebih lagi kegiatan-kegiatan grassroot level. Saya tidak akan membangkang atas cadangan ini. Sebenarnya, kita sedang menjalankan cara ini pada masa sekarang. Kalaulah nampak Menteri-menteri memberi ucapan di radio, nampak dalam TV, maka ini bukanlah ertinya mereka hanya membuat ucapan untuk personal publicity. Saya tahu ramai Menteri yang memberi ucapan tidakpun diliputi oleh TV dan Radio sekiranya mereka memikirkan soal itu tidak ada kepentingan kepada negara dan masyarakat kita. Saya sendiri jarang memanggil TV, kalau perkara yang saya akan buat itu tidak begitu penting.

Ada cadangan yang sangat besar yang datang daripada Ahli dari Kepala Batas mengenai cara-cara menyusun agensi berita nasional kita atau BERNAMA. Saya tidak akan dapat mengulaskan soal ini di sini, jadi saya inginlah mempersilakan Ahli Yang Berhormat itu berjumpa dengan saya supaya dapat membincangkan perkara ini lebih dalam lagi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa ada lagi beberapa points dan perkara-perkara yang saya tidak dapat jawab dengan terus terang di sini, dan ada juga cadangan-cadangan yang saya tidak dapat memberi pandangan dalam jawapan saya ini, bukanlah bererti saya tidak mengambil perhatian atas teguran dan cadangan itu. Ada cadangan yang saya dengar, misalnya hendak mengadakan TV di tiap-tiap balairaya adalah sangat penting dan tidak dapat saya beri pertimbangan yang cepat dan mendapat keputusan dengan serta merta. Jadi atas soal yang demikian, maka masa yang panjang mestilah dikehendaki dan saya tidak akan dapat memberi jawapan di sini.

Atas teguran dan cadangan-cadangan yang belum saya jawab, saya berjanji akan mengambil perhatian untuk diambil tindakan sewajarnya atas cadangan dan teguran-teguran tersebut.

Masaalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,448,600 untuk Kepala B. 40; \$69,361,900 untuk Kepala B. 41 dan \$17,980,700 untuk Kepala B. 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$11,062,465 untuk Kepala P. 41 dan \$1,038,030 untuk Kepala P. 42 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Tuan Pengerusi: Sekarang kita balik semula kepada Belanja Pengurusan di bawah Kepala B. 16 dan P. 16—Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan, saya suka mengingatkan lagi Ahli-ahli Yang Berhormat supaya lebih ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian, saya hadkan tiap-tiap seorang bercakap tidak lebih daripada 15 minit dan juga saya minta kerjasama daripada Yang Berhormat Menteri-menteri supaya masa yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan dan menggulung perbahasan lebih kurang setengah jam sahaja jumlah kedua-duanya.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan Anggaran Peruntukan di bawah Menteriannya.

Kepala B. 16 (Jadual)—

Kepala P. 16 (Anggaran Pembangunan Sementara 1976)—

5.40 ptg.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membentangkan Anggaran Belanja Kementerian saya bagi tahun 1976 di bawah Kepala Bekalan 16 dan Kepala Pembangunan 16. Sebelum saya meminta kelulusan Dewan ini, saya suka memberi sedikit keterangan di atas Kepala-kepala tersebut.

Kepala Bekalan 16—Anggaran Belanja Mengurus

Untuk tahun 1976, anggaran sebanyak \$1,109,900 di bawah Kepala B. 16 adalah diperlukan untuk menemui perbelanjaan mengurus Kementerian saya. Jumlah ini menunjukkan tambahan sebanyak \$223,869 sahaja dari jumlah sebanyak \$886,031 yang diluluskan untuk tahun 1975. Tambahan ini adalah diperlukan oleh Bahagian Bangunan, Kementerian ini yang kelak akan ditempatkan di bawah Jabatan Perumahan Negara yang sekarang sedang diujudkan. Adalah dijangka bahawa Bahagian ini akan mendapat kakitangannya pada awal tahun 1976, maka adalah perlu peruntukan ditambah di bawah Pecahan-kepala 1100—emolumen; sekiranya dibandingkan dengan peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1975. Juga, dengan sebab akan bertambahnya kakitangan, maka perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan juga akan bertambah.

Kepala P. 16—Anggaran Pembangunan

Mengenai Kepala P. 16, anggaran sejumlah \$16,300,339 adalah diperlukan oleh Kementerian saya untuk melaksanakan berbagai-bagai projek di bawah Pecahan-kepala berikut:

(i) Pecahan-kepala 1—Perumahan Awam ..	\$10,704,829
(ii) Pecahan-kepala 2—Rancangan Perumahan Kampung Baru ...	10
(iii) Pecahan-kepala 11—Pelaburan dalam Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak	999,500
(iv) Pecahan-kepala 21—Suruhanjaya Perumahan Sabah	3,500,000
(v) Pecahan-kepala 31—Pemberian untuk projek-projek dalam Kampung-kampung Baru	1,096,000

(i) *Pecahan-kepala 1—Perumahan Awam*

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua jumlah sebanyak \$85,242,000 telah diluluskan untuk rancangan perumahan kos rendah di Semenanjung Malaysia. Pinjaman yang telah diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri setakat ini berjumlah \$64,100,000 dan jumlah pinjaman sebanyak \$10,437,171 lagi dijangka akan diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sehingga akhir tahun 1975. Sehingga tarikh ini, sebanyak 10,244 yunit rumah kos-rendah berbagai jenis telah disiapkan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Tambahan kepada jumlah ini, sebanyak 3,398 yunit lagi yang sedang dibina dijangka akan siap pada akhir tahun ini. Selain daripada itu, ada sebanyak 12,599 yunit lagi dalam berbagai peringkat pembinaan adalah dianggap dibawa ke dalam Rancangan

Malaysia Ketiga. Peruntukan sebanyak \$10,704,829 yang merupakan baki dari peruntukan yang diluluskan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua adalah diminta bagi tahun 1976, untuk menemui permintaan bentuk pinjaman oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang diperlukan untuk projek-projek sambungan tersebut tadi. Sementara itu adalah perlu ditegaskan iaitu, peruntukan yang diminta ini mungkin tidak akan mencukupi kerana sebilangan daripada projek-projek sambungan tersebut memerlukan pinjaman yang banyak dan cepat bergantung kepada kemajuan fizikalnya. Tambahan lagi, pinjaman untuk projek-projek baru akan juga diperlukan setelah permohonan bagi projek-projek tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan pada awal tahun hadapan. Oleh itu adalah dijangka, peruntukan tambahan akan diminta dalam tahun 1976 kelak.

(ii) *Pecahan-kepala 2—Rancangan Perumahan Kampung Baru*

Untuk Rancangan Malaysia Kedua jumlah peruntukan yang diluluskan untuk Rancangan Perumahan Kampung Baru, Kuala Lumpur ialah \$9,500,000. Dari jumlah ini, pinjaman yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh antara tahun 1971 dan 1974 ialah \$7,071,810. Peruntukan tanda sebanyak \$10 adalah diminta bagi tahun 1976 untuk membolehkan Kerajaan Negeri Selangor menggunakan baki sebanyak \$2,428,190 dari jumlah yang diluluskan itu apabila kos sebenar projek tersebut diketahui.

(iii) *Pecahan-kepala 11—Pelaburan Dalam Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak*

Hasil dari Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, peruntukan berjumlah \$5 juta untuk rancangan perumahan awam kos-rendah bagi 405 yunit telah diluluskan untuk Kerajaan Negeri Sarawak. Dari jumlah ini pinjaman sebanyak \$4,000,500 telah pun diambil. Sehingga ke tarikh ini 185 yunit rumah telah siap dibina. Sebanyak 247 yunit rumah lagi dalam berbagai peringkat pembinaan akan di anggap dibawa ke hadapan untuk dilaksanakan dalam

Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan sebanyak \$999,500 iaitu merupakan baki dari jumlah yang diluluskan di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua adalah diperlukan untuk menemui perbelanjaan ke atas projek-projek lanjutan tersebut dalam tahun 1976.

(iv) *Pecahan-kepala 21—Suruhanjaya Perumahan Sabah*

Mengikut Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, peruntukan sebanyak \$8 juta telah diluluskan untuk membolehkan Kerajaan Negeri Sabah melaksanakan rancangan perumahan kos rendah. Sehingga kini Kerajaan Negeri Sabah telah mengambil pinjaman sebanyak \$3,500,000. 200 yunit dari jumlah 1,005 yunit rumah yang dicadangkan untuk tempoh tersebut telahpun siap dibina. Baki 805 yunit rumah lagi akan dibawa ke hadapan untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan sebanyak \$3,500,000 adalah diperlukan bagi membiayai pinjaman lanjut untuk projek-projek ini dalam tahun 1976.

(v) *Pecahan-kepala 31—Pemberian untuk Projek-projek Dalam Kampung-kampung Baru*

Peruntukan berjumlah \$10 juta telah diluluskan antara tempoh 1973 hingga 1975 sebagai pemberian untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek pembangunan di Kampung-kampung Baru dan lain-lain kawasan penempatan semula. Sehingga akhir tahun 1975 adalah dijangka sebanyak \$8,904,000 akan dibelanjakan; baki sebanyak \$1,096,000 dari jumlah tersebut adalah diperlukan untuk tahun 1976. Berdasarkan kepada pemberian purata tahunan sejak 3 tahun yang lalu, jumlah yang diminta ini adalah tidak mencukupi dan dari itu, mungkin perlu Kementerian ini permohonan untuk peruntukan tambahan dalam tahun 1976, apabila permohonan yang dibuat untuk Rancangan Malaysia Ketiga diketahui.

Saya suka memaklumkan bahawa Kementerian saya sedang di dalam proses penyusunan semula. Langkah ini sedang dibuat

untuk menguatkan organisasi Kementerian saya supaya dapat memainkan peranan yang lebih cekap di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sebuah Jabatan Perumahan Negara akan diwujudkan. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi sebahagian daripada tugas-tugas Kementerian sekarang ini akan dipindahkan ke Jabatan tersebut. Perubahan ini akan memerlukan peruntukan tambahan dan perkara ini akan dikemukakan pada masa akan datang.

Dengan keterangan di atas, saya memohon kelulusan Dewan bagi Anggaran Peruntukan Kementerian saya di bawah Kepala B. 16 berjumlah \$1,109,900 dan Kepala P. 16 berjumlah \$16,300,339.

5.55 ptg.

Tuan Farn Seong Than (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas anggaran untuk Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru iaitu Kepala Bekalan 16 dan di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, tujuan-tujuan Kementerian ini seperti yang dinyatakan dalam Buku Anggaran Belanjawan tahun ialah (a) untuk merancang dan menyelaras satu rancangan nasional mengenai perumahan awam khususnya perumahan kos rendah untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah serta menentukan penggunaan yang cekap lagi berfaedah ke atas bahan dan kemudahan teknikal di kedua-dua sektor awam dan swasta supaya menemui keperluan perumahan dan dasar Kerajaan untuk menegakkan demokrasi memiliki rumah.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I am glad to note the various objectives appearing on page 117 of the Anggaran Balanjawan 1976 under the heading of Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru. The objectives are worded in such a way as to express the Ministry's intention to improve the quality of life of all Malaysians in relation to their living quarters as well as their environment.

Mr Chairman, Sir, today I would like to touch very briefly on the quality of rural life which covers the kampungs, new villages and the estates. Later on I would also like to speak on the resettlement of squatters in

the Federal Territory as I believe this matter is also connected with this Ministry. It is a fact that the existence of squatters throughout the country is the direct result of inadequate housing for the people, especially the urban poor.

Sir, it is saddening to note that poverty is still a prominent feature in rural life after 18 years of our independence. The ethnic breakdown shows that 85% Malays, 54% Indians and 65% Chinese live in rural areas. It shows that a larger percentage of our population is rural-based and, therefore a majority of our people are within the poverty line. Though the Government has often claimed that the quality of life in the rural areas has vastly improved with the provision of infrastructure and other services, it is saddening to note that 69% of the living quarters in the rural areas are found to be sub-standard as pointed out by the 1970 housing census based on the Government scale of housing quality. It further shows that 69% of all rural quarters have no electricity and 63% are without water supply in or outside the quarters.

Electricity and water are two items which are most essential for a decent and meaningful living. In this modern, scientific world of ours, the absence of electricity is a handicap or rather a great disadvantage to school children in the rural areas, as it is not conducive for them to study effectively under the poor lighting of oil lamps. As such, more students in the rural areas fare badly in their examinations, thus causing them to dropout earlier. With their low academic qualification, they tend to end up with low-income jobs and the eventuality of inheriting the poverty their parents had experienced. Mr Chairman, Sir, it is, therefore, pointless to have a big allocation of \$1,473 million for education when a big portion of it will go into the drain in the rural areas due to lack of proper study facilities like electric lighting at home.

Sir, in the case of piped water, it is just as important as electricity, and essential indeed, because in the absence of piped water, the rural people have to resort to untreated water from rivers, streams, canals, etc.; water from such sources are often the major cause of infections like cholera, dysentery, typhoid and skin diseases. Under such circumstances, the rural folks are more susceptible to sickness and thus they are more dependent on

the Government health services, however scarce they are. It is, therefore, pertinent for the Government to introduce piped water supply to all rural areas in the Third Malaysia Plan with a view of raising the standard of health of the rural poor. By doing so, I am sure the cost of medical expenditure to the rural areas can also be reduced as less people will be falling ill due to the various infections caused by using untreated water.

Mr Chairman, Sir, considering the fact that 69% of the rural quarters are still sub-standard without water and electricity, I most humbly conclude that the quality of rural life has not improved much during the past 18 years of our independence. In order to counter this social imbalance, I would urge the Federal Government to take concrete steps to improve the standards of living in the rural areas which cover kampung-kampung, new villages, estates as well as squatters settlements in the urban areas.

Sir, with regard to the squatters in the Federal Territory, it is estimated that there are 36,000 squatter families comprising of more than 180,000 people. I am happy to note that the City Hall is planning to build about 30,000 units of low-cost housing costing \$300 million to resettle the squatters in the Federal Territory under the Third Malaysia Plan. In addition, the City Hall would also develop sites for housing the squatters complete with infrastructural facilities and other public amenities. Under this scheme, the squatters are required to build their own houses based on the design given by the City Hall. However, it is regrettable to note that each house is expected to cost between \$5,000 to \$7,000. Such amounts are too expensive and exorbitant for the squatters who earn an average income of less than \$300 a month as reported in the Treasury Economic Report for 1975-1976. The Treasury Economic Report further states that most of them cannot afford to pay a monthly rental of more than \$30. Basing on the financial characteristics of these squatters, it would therefore be impractical for them to build their own houses costing between \$5,000 to \$7,000 per unit because I have the personal experience of knowing many of the squatters within this bracket, and who would be involved in this scheme in a squatter settlement called Kampung Pakar in my constituency of Sungai Besi. Sir, the squatters at Kampung Pakar in Salak South, Kuala

Lumpur are presently affected by the Kuala Lumpur-Seremban Highway project. These squatters are required to move twice; first to a temporary site and six months later to a permanent site provided under the proposed City Hall scheme. The idea of moving them twice is sheer madness on the part of the authorities.

Tuan Pengerusi: I have heard the same sentence before.

Tuan Farn Seong Than: Well, I think if it is madness, I will say it again, Sir.

Tuan Pengerusi: Proceed.

Tuan Farn Seong Than: The Authorities concerned only compensate each family with \$500 for the double dislocation of accommodations.

Mr Chairman, Sir, I am disgusted to say here that my persistent appeals to the authorities, i.e. the Jabatan Kerja Raya, the City Hall and the Federal Territory Land and Mines Commission, to compensate these squatters with at least \$1,000 for the double shifting have fallen on deaf and unsympathetic ears. Similarly, my appeals to the authorities to provide the minimum basic amenities such as pipe water and other sanitary facilities such as common toilets to those who have moved to the temporary sites are not heeded at all. Under such circumstances, I think the authorities should not complain that the people are not co-operating with the Government when, in the first place, their needs and their hardships are not taken care of by the authorities. What was worse, it appeared to me that the authorities had collaborated with some M.C.A. members and some other private individuals who are entrusted with the duty of intimidating and confusing these squatters in getting out of the land on which they were staying. These M.C.A. lackeys of the authorities went from house to house warning the squatters that if they did not agree to the terms of resettlement, their houses would be demolished by bulldozers without any compensation or alternative accommodation at all. Sir, we in the D.A.P. are not against development; as a matter of fact, we welcome development projects which serve the interest of the people, but we deplore the way the squatters at Kampung Pakar were treated. I am disgusted to

say that the squatters at Kampung Pakar who have been required to move twice in so short a time, and those who have yet to move are very confused people. They are not only confused but they also feel very insecure about their future livelihood, because by now they do not quite trust the authorities who had made all the inconsistent statements. Officials of one department will say one thing today and tomorrow another department Head will say another thing. That is why, I say that by now the people of Kampung Pakar do not trust the authorities anymore. Further, they also feel that they have been betrayed by the M.C.A. runners who have gone round intimidating and confusing them. Sir

Tuan Pengerusi: Under which sub-head are you talking?

Tuan Farn Seong Than: I want to elaborate on how these squatters are being mistreated.

Tuan Pengerusi: Under which Sub-head?

Tuan Farn Seong Than: Under "Public Housing" in general.

Tuan Pengerusi: This is not a general debate. This is in Committee. Which Sub-head you are referring to now?

Tuan Farn Seong Than: I know, but this thing also covers the policy of the Government in

Tuan Pengerusi: Please sit down when the Chair speaks. You are not to touch on the general policy, as we have finished with that. You are talking about the general principles of the Government policy and administration. Most of the time you are talking about what had already been said when the general debate was on. Now, please limit your observations to the Sub-heads. I have allowed you a lot of latitude. I will stop you if you dwell on this for too long. Please proceed.

Tuan Farn Seong Than: Thank you, Sir. Mr Chairman, Sir, it is my sincere hope that all future squatters resettlements would be carried out in a more humane, systematic and sympathetic manner. Alternative accommodation must be ready before the squatters are evicted. Due notice should also be given to the squatters in order to give them ample

time to re-adjust themselves. The squatter problem should not be solely regarded as a legal problem but a social problem instead.

6.10 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan peruntukan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru di bawah Kepala P. 16, Pecahan-kepala 1 Perumahan Awam.

Tuan Pengerusi, wang peruntukan yang telah dipohonkan oleh Kementerian itu kalau dipandang memanglah sangat kecil kalau kita menghadapi satu masalaah yang begitu besar iaitu masalaah pembangunan rumah-rumah ataupun mendirikan rumah murah untuk rakyat yang tidak berumah. Walau bagaimanapun, wang yang telah diperuntukkan itu, tanpa kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan, pihak swasta dan sebagainya, pihak Parti DAP dan sebagainya, maka tentu susah Kementerian ini hendak menjalankan usahanya mendirikan rumah-rumah. Dan disebaliknya pula, Kementerian sendiri hendaklah masa menjalankan itu membantu segala usaha pihak swasta yang betul-betul jujur menolong Kerajaan untuk menghadapi masalaah kebangsaan ini, kerana masalaah perumahan ini sudah menjadi economic problem negara kita.

Saya suka membawa perhatian Kementerian bahawa dalam pembangunan ini memang banyak private developers mendirikan dan sebagainya; private developers mengatakan bahawa mereka menolong Kerajaan, tetapi apa yang kita lihat rumah-rumah yang dibina oleh mereka ialah rumah-rumah pada ukuran mereka low-cost, tetapi pada ukuran kita \$40,000 sebuah rumah teres adalah mahal. Kalau rumah-rumah ini dibina oleh pihak Kementerian sendiri, rumah yang \$40,000 hanya \$25,000 sahaja. Tetapi kerana mereka hendak untung yang lebih tinggi dan lebih banyak maka sudah menjadi \$40,000. Jadi pihak Kementerian hendaklah menyokong dan membantu koperasi-koperasi kerjasama atau syarikat-syarikat kerjasama Perumahan yang berusaha untuk membuat rumah-rumah.

Saya rasa dukacita menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri, pihak Kementerian memang tidak ada mengambil sikap tegas untuk menolong syarikat-syarikat Perumahan apabila mereka telah bersatu-padu membuat

satu koperasi Perumahan mempunyai wang \$200,000-\$300,000 untuk mendapat tanah Kerajaan. Sungguhpun tanah-tanah ialah soal ataupun otonomi Kerajaan Negeri tetapi dengan jasa baik Kementerian, saya percaya pihak Kerajaan Negeri boleh memberi tanah yang sesuai untuk rancangan-rancangan perumahan ini diutamakan kepada syarikat-syarikat kerjasama Perumahan. Apa yang lebih mendukung ialah Kerajaan Negeri lebih-lebih mengutamakan permohonan daripada private developers. Entah apa sebabnya saya tidak tahu. Jadi, private developers, Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan tadi mementingkan lebih keuntungan daripada melengkapkan kemudahan-kemudahan sebagainya. Sebagaimana yang saya katakan tadi meminta Kementerian ini dapat bekerjasama dengan syarikat-syarikat kerjasama perumahan untuk mendapatkan tanah-tanah mendirikan rumah.

Yang kedua, saya suka membuat komen berkenaan dengan Kepala B. 16 berkenaan dengan Pengurusan. Saya membuat komen atas apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu menyusun organisasi Kementerian supaya perkara-perkara yang didapati tidak begitu sesuai barangkali dapat disesuaikan dan diperbaiki. Ini barangkali satu kesedaran yang patut saya ucapkan tahniah, kerana memang banyak dalam Kementerian beliau perkara-perkara yang tidak begitu sesuai masih juga dijalankan. Misalnya, Kementerian hendaklah mengkaji mengapa maka yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Sungai Besi tadi, mengapa 95% rumah-rumah yang ada sekarang sub-standard. Kalau rumah sub-standard kita anggap rumah-rumah ini ialah slum area. Mengapa?

Saya mengatakan di sini bahawa ini adalah kerana usaha-usaha Kerajaan iaitu Kementerian beliau pada suatu masa dahulu, kerana hendak mengatasi kerumitan secara short-term sahaja dibuatlah rumah-rumah secara cincai-cincai sahaja. Jadi, sekarang ini sudah menjadikan rumah-rumah itu slum area.

Tuan Pengerusi: Apa *cincai-cincai* ini? (*Ketawa*)

Raja Nasron bin Raja Ishak: Itu satu istilah baru. (*Ketawa*) Bahasa Malaysia Baru. (*Ketawa*) Kementerian beliau patut peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Menteriannya diuntukkan pula kepada Kerajaan-kerajaan Negeri diawasi

supaya Kerajaan Negeri itu jangan menggunakan wang itu untuk rancangan-rancangan dia sendiri ataupun rancangan-rancangan yang lain. Ini saya dapat tahu ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang menyalah-gunakan peruntukan untuk rumah murah itu dalam perkara-perkara yang lain ataupun dilambatkannya.

Satu perkara yang lain di bawah Pengurusan ini ialah berkenaan dengan pembahagian rumah-rumah murah. Memang membina rumah satu perkara, tetapi kalau rumah yang dibina itu dapat kepada orang yang telah ada rumah, maka tidak ada gunanya (*defeat the purpose*). Dasar kita ialah memberi rumah kepada orang yang tidak berumah. Tetapi ada kalanya kerana jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat daerah itu terdiri daripada beberapa orang yang mempunyai self-interest, maka rumah murah itu diberikan kepada abang, adik, sepupu, isteri nombor satu dan nombor dua dan ini tidak betul kepada orang-orang yang benar-benar tidak ada rumah.

Oleh itu, Kementerian ini dalam usaha hendak menyusun organisasinya hendaklah menubuh satu badan, misalnya, dipanggilah dengan nama National Housing Administration. Badan ini hendaklah mengaturkan satu sistem pemberian rumah. Selain daripada sistem pemberian rumah, badan ini juga hendaklah mengaturkan pinjaman ataupun insuran dan sebagainya, kerana seseorang itu dapat mencari wang sana-sini, membayar wang muka itu dan ini, tetapi instalment untuk bulan-bulan, katalah \$70-\$80 tidak terbayar. Ada beberapa orang telah ditarik balik rumahnya. Kalau Kementerian ini membuat dan memberi rumah sesudah itu lu siapa, gua siapa, ini tidak boleh, tetapi terus ditolong sehingga orang ini dapat membebankan bayarannya itu dan ini dan insuransurannyapun, tolong diuruskan.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya dapat perkara ini disiasat iaitu berkenaan dengan tindakan-tindakan yang diambil. Saya buat contoh di kawasan saya sendiri, di Kuala Selangor di mana pihak Pegawai Daerah ataupun wakilnya telah mengambil tindakan terhadap rumah-rumah tanpa izin. Orang-orang yang benar-benar susah, kerana keadaan masa, terpaksa mereka membuat rumah murah dekat tanah Kerajaan.

Notis-notis sudah diberi kepada mereka dan tindakan-tindakan diambil meruntuhkan beberapa rumah. Terpaksa wakil-wakil rakyat datang berjumpa, menyiasat begitu begini dan tindakan itu sekarang diberhentikan untuk sementara. Apa yang menghairankan hati kami, Tuan Pengerusi, ialah beberapa banyak pula rumah-rumah perusahaan yang dibuat oleh kaum-kaum pemodal, orang-orang kaya di kawasan saya dan juga di kawasan-kawasan di mana-mana tempat—Yang Berhormat Menteri sendiri tahu, kerana beliau dahulu mewakili Petaling—berapa banyak kawasan di Petaling itu yang didirikan rumah perusahaan tanpa izin dan bermaharajalela, tetapi tidak diambil oleh Kerajaan apa-apa tindakan. Orang-orang yang betul-betul miskin kerana circumstances terpaksa membuat rumah-rumah tanpa izin serta-merta dipecahkan rumahnya. Saya berpendapat bahawa hendaklah Kerajaan bersikap adil, pecahkan rumah orang kaya-kaya itu dahulu, iaitu bangunan-bangunan perusahaan barulah pada orang-orang yang betul-betul susah, ataupun sebagaimana kata saudara saya, sungguhpun Ahli Yang Berhormat itu dari Parti DAP, *due should be given even to the devil*, saya mesti beri due-nya, maka hendaklah sebelum memindah atau memecahkan rumah-rumah orang di tempat-tempat tanpa izin itu, hendaklah dicari atau diikhtiarkan rumah lain kemudian baru dipecahkan. Walau bagaimanapun hendaklah disiasat dan jangan pula orang yang kaya-kaya dan sebagainya mengambil kesempatan; itu memang patut Kerajaan mengambil tindakan.

6.21 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, dalam menyokong perbelanjaan Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru yang berjumlah \$17,410,239 saya suka menyentuh dalam bahagian P. 16, Pecahan-kepala 1—Perumahan Awam. Mengikut peruntukan yang diberi pada tahun hadapan 1976 ialah \$10 juta lebih sedikit iaitu \$10,704,829. Sebenarnya, jumlah ini bukanlah satu jumlah yang besar. Saya menyeru Kerajaan supaya diberi peruntukan yang lebih lagi kerana memandangkan perumahan ini adalah satu masalah (problem) sosial kita, terutama sekali di luar bandar. Maka patutlah diberi lebih berbanding dengan yang diuntukkan pada tahun 1975 ini iaitu \$22 juta lebih. Tetapi tahun 1976 diuntukkan \$10 juta sahaja.

Dalam pada itu, saya suka mengingatkan Kementerian ini iaitu dalam membelanjakan wang \$10 juta ini janganlah dipandangkan kepada perumahan di bandar sahaja, tetapi hendaklah dititikberatkan di luar bandar, iaitu dengan merancang rumah murah yang lebih ekonomi terutama sekali rumah yang tidak begitu besar (rumah terrace) dan kalau boleh tidak perlu sangat rumah-rumah batu kerana kita banyak kayu. Saya cadangkan rumah-rumah di luar-luar bandar dibuat daripada kayu yang boleh tahan dan dengan harga yang murah. Dalam segi ini kita boleh banyak gunakan kayu Malaysia sendiri dan dapat membina rumah-rumah yang murah dengan lebih banyak, daripada kita mengutamakan di dalam bandar sahaja. Kerana dengan adanya rancangan rumah murah yang banyak di luar bandar itu boleh sedikit sebanyak mengatasi problem perpindahan orang-orang luar bandar ke bandar.

Selama ini kita nampak hanya rumah-rumah dibuat dalam bandar sahaja, jadi orang di luar bandar sudah begitu berebut-rebut hendak datang ke bandar disebabkan di bandar mempunyai tempat duduk dan kemudahan-kemudahan yang lebih baik. Dan dengan keadaan yang seperti ini tidak boleh mengatasi problem masyarakat kita. Kalau kita menyediakan rumah-rumah yang baik di luar bandar, mungkin pegawai-pegawai Kerajaan barangkali yang memiliki rumah itu tidak lagi berkejar hendak datang ke bandar ataupun pegawai Kerajaan yang dalam bandar kalau ditukarkan ke luar bandar barangkali ada tempat yang boleh disewa ataupun ada tempat tinggal dengan rumah yang baik dan teratur daripada rumah kampung-kampung yang ada sekarang. Ini boleh menggalakkan pegawai-pegawai kita bertukar ke luar bandar kerana ada tempat tinggal dan diberi kemudahan letrik, tandas ataupun cara pelan rumah yang sihat dan baik. Dengan adanya banyak rumah di luar bandar ini dapat juga kita menunjukkan kepada rakyat kita bahawa nasib penduduk di luar bandar itu tidak diabaikan; ada cara memperbaikinya. Kalau ada orang melawat ke luar bandar kita boleh tunjukkan contoh bagaimana Kerajaan kita memperbaiki kediaman orang-orang di luar bandar dengan rumah kecil, tetapi teratur dan dengan harga yang murah dan dengan keadaan yang sihat. Tetapi pada hari ini kalau kita pergi ke luar bandar jarang sangat kita berjumpa keadaan yang semacam itu, kita nampak hanya rumah-rumah di rancangan FELDA sahaja

dan sedikit-sedikit rumah yang dibuat beberapa tahun yang lepas iaitu rumah deret. Tetapi perubahan baru ini tidak nampak untuk membaiki keadaan penduduk di luar bandar. Jadi, saya minta Kementerian ini membahagikan wang \$10 juta itu hendaklah difikirkan lebih banyak kepada penduduk luar bandar.

Lagi satu samada boleh dijalankan atau tidak saya suka mengesyorkan kepada Kementerian ini dalam hal perumahan ini untuk menjimatkan wang Kerajaan bukan sahaja kita membuat rumah yang baru untuk orang kita di luar bandar, tetapi cuba menjalankan satu rancangan yang membenarkan juga orang kampung meminjam sedikit wang daripada Kementerian ini untuk membaiki rumahnya sendiri yang barangkali sudah hendak roboh, daripada dia lari ke tempat lain atau daripada dia duduk dalam keadaan yang begitu sedih. Diharap Kementerian dapat membantu siapa-siapa sahaja penduduk luar bandar yang hendak membaiki keadaan rumah-rumah yang lama itu supaya lebih teratur dan lebih sihat atau lebih kemudahan dengan bekalan letrik, air paip atau tandas yang lebih baik. Dengan ini kita dapat juga menolong orang-orang kita di luar bandar, dengan pertolongan daripada Kerajaan kita ini maka ada bermakna mereka menyokong Kerajaan dalam pilihanraya, ada keistimewaan yang kita boleh beri kepadanya. Tetapi selama ini kita melihat rancangan perumahan di dalam bandar sahaja. Kerajaan mengutamakan rumah-rumah yang cantik dibina di bandar-bandar sahaja dengan belanja yang berpuluh-puluh ribu ringgit, pada hal dengan wang sebanyak \$20,000—\$30,000, ini boleh digunakan untuk 10 atau 20 buah rumah di luar bandar.

Di dalam bandar telah ada pihak swasta, S.E.D.C. dan berbagai-bagai lagi orang yang membuat rumah, dan lagi dalam bandar ini kadang-kadang bukan satu orang yang mempunyai sebuah rumah, bahkan ada seorang yang mempunyai sehingga 3-4 buah rumah. Oleh kerana rumah itu mahal maka

ini memberi peluang kepada orang kaya sahaja membeli rumah itu dan kemudian mereka mencari keuntungan dengan disewakan dengan mahal kepada orang lain. Orang-orang yang kurang mampu tidak dapat membeli rumah batu di bandar, yang mana akhirnya orang-orang yang kaya atau kapitalis juga yang mempunyai rumah batu yang banyak di dalam bandar. Tetapi kalau kita membawa projek kita ke luar bandar kita dapat lihat orang-orang miskin yang bergaji \$300—\$400 dapat mempunyai sebuah rumah yang baik yang dibuat daripada kayu dengan keadaan yang teratur serta bersih. Ini adalah satu cara kita untuk memperbaiki kehidupan orang kita di luar bandar. Pengerusi.

Saya rasa setakat itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian bercakap sedikit di atas Kepala P. 16 an B. 16—Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru. Kita semua tahu betapa mustahaknya seseorang kepada tempat tinggal iaitu rumah kediaman. Selepas merdeka, asal ada tanah kosong semua dibangunkan rumah, sampai bukitpun diratakan dijadikan tapak rumah. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang dapat mengadakan rumah-rumah murah bagi rakyat yang tidak mampu membeli rumah yang dibina oleh swasta.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung esok. Saya akan beri peluang beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap lagi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, 28hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.